



قليتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 31 BILANGAN 24

RABU 11 JUN, 1986.

رابو 3 شوال 1406

PERCUMA

SEMANGAT BERDISIPLIN SERTA TABAH PERLU BAGI PEMBANGUNAN NEGARA — titah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah bahawa semangat berdisiplin serta tabah adalah diperlukan bagi kita semua dalam tugas masing-masing untuk meningkatkan usaha dalam pembangunan negara yakni pada meningkatkan kemakmuran dan kesejahteraan Negara Brunei Darussalam serta isi di dalamnya.

"Semangat berdisiplin serta tabah itu adalah diperlukan bagi kita semua dalam tugas masing-masing untuk meningkatkan usaha dalam pembangunan negara yakni pada meningkatkan kemakmuran dan kesejahteraan Negara Brunei Darussalam serta isi di dalamnya," titah Baginda.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia menekankan demikian dalam titah perutusan Baginda sempena menyambut Hari Raya Aidilfitri bagi tahun 1986.

PETIKAN TITAH

“Negara Brunei Darussalam mempunyai keyakinan seperti kebanyakan negara-negara di dunia bahawa perdamaian yang berkekalan di Timur Tengah dengan izin Allah dan insya-Aallah, hanya akan dapat dicapai dengan mengambil kira sepenuhnya akan hak-hak mutlak rakyat Palestin, termasuk hak mereka untuk menentukan masa depan mereka dan untuk mempunyai tanah-air mereka sendiri.”

Dititahkan semasa keberangkatan rasmi Baginda ke Jordan 19 Disember, 1984

Kursus Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemohon-pemohon adalah dipelawa dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk mengikuti kursus-kursus Ijazah Sarjana (Masters Degree) dan Doktor Falsafah (Ph.D.). Kursus-kursus tersebut akan dikendalikan oleh institusi-institusi pengajian tinggi di seberang laut yang ditentukan oleh Kementerian Pelajaran dan Resihatan dan ianya diselenggarakan dibawah Skim Latihan Dalam Perkhidmatan.

Sebanyak 18 bidang pengajian akan diperuntukkan bagi kursus-kursus tersebut termasuk Pengajian Islam, Linguistik, Kesusasteraan Melayu, Pendidikan,

Matematik, Jururawat dan beberapa jurusan sains, Kejuruteraan Elektronik serta Pentadbiran. Bidang-bidang pengajian yang ditawarkan dan syarat-syarat memohon disiarkan di muka 12.

Pemohon-pemohon bagi Ijazah Sarjana (Masters Degree) mestilah mempunyai ijazah pertama kepujian (honours) atau yang sebanding dari universiti-universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Borang-borang permohonan boleh didapati daripada Pendaftar Universiti Brunei Darussalam dan Pendaftar Institut Teknologi Brunei dan hendaklah dikembalikan ke tempat-tempat tersebut tidak lewat dari 21 Jun, 1986.

Nikmat berpuasa yang telah kita perolehi, titah Baginda, adalah hasil ketabahan dan kejayaan kita pada mendisiplinkan diri sebagaimana yang dituntut oleh ugama Islam.

Baginda bertitah, ibadat puasa yang kita amalkan itu akan memperkukuhkan iman kita sebagai orang Islam pada menghadapi cabaran-cabaran serta rintangan dalam kehidupan kita di dunia ini dan akan menjadi bekalan yang diredai kelak.

Bersempena dengan hari yang berbahagia ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama dengan keluarga Baginda dengan ikhlas mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang berugama Islam.

"Marilah kita sama-sama berdoa ke hadirat Allah Subhanahu Wataala, mudah-mudahan Negara Brunei Darussalam serta isi di dalamnya akan sentiasa mendapat perlindungan Allah dan akan terus menikmati suasana aman dan tenteram lagi bahagia," titah Baginda.

Berikut ialah titah perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal

Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena menyambut Hari Raya Aidilfitri.

"ASSALAMUALAIKUM warahmatullahi wabarakatuh. Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar walillah ilham.

Segala pujian bagi Allah Subhanahu Wataala, selawat dan salam kepada junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta kerabat, sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang jujur lagi setia hingga ke akhir zaman.

Alhamdulillah, marilah kita sama-sama bersyukur kepada Allah kerana dengan izin-Nya jua kita dapat menyempurnakan ibadat puasa sepanjang bulan Ramadan. Nikmat berpuasa yang telah kita perolehi itu adalah hasil ketabahan dan kejayaan kita pada mendisiplin diri sebagaimana yang dituntut oleh ugama Islam sepanjang bulan yang mulia itu. Setahun demi setahun, barang setentunya ibadat puasa yang kita amalkan itu akan memperkukuhkan iman kita sebagai orang Islam pada menghadapi cabaran-cabaran serta rintangan-rintangan dalam kehidupan—kita di dunia ini dan mudah-



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

mudahan akan menjadi bekalan yang diredai kelak.

Semangat berdisiplin serta tabah itu adalah diperlukan bagi kita semua dalam tugas masing-masing untuk meningkatkan usaha dalam pembangunan negara yakni pada meningkatkan kemakmuran dan kesejahteraan Negara Brunei Darussalam serta isi di dalamnya.

Bersempena dengan hari yang berbahagia ini Kita bersama dengan keluarga Kita dengan ikhlas mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, kepada semua rakyat Kita dan

penduduk Brunei Darussalam yang berugama Islam. Marilah kita sama-sama berdoa ke hadirat Allah Subhanahu Wataala, mudah-mudahan Negara Brunei Darussalam serta isi di dalamnya sentiasa mendapat perlindungan Allah dan akan terus menikmati suasana aman dan tenteram lagi bahagia.

Sekian, dan Kita sekali lagi dengan ikhlas mengucapkan Selamat Hari Raya.

Wabillahi taufik walhidayah wasalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh."

Lawatan Pegawai Pengangkutan Darat ke Temburong

TEMBURONG. — Jabatan Pengangkutan Darat akan menghantar pegawai-pegawainya ke Daerah Temburong pada 16 hingga 19 Jun

Oleh itu semua tuan-tuan punya kenderaan di daerah tersebut yang mana lesen-lesen kenderaan, lesen-lesen

memandu mereka yang hendak diperbaharui dan pemegang-pemegang lesen sementara yang hendak memohon ujian memandu dan bagi mereka yang telah ditetapkan tarikh ujian masing-masing bolehlah berhubung dengan pegawai-pegawai berkenaan. Mereka akan berada di Pejabat Daerah Temburong pada tarikh yang ditetapkan itu dan waktu-waktu bekerja.

D.P.P.W. utus tahniah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar ucapan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Sten Ander-

son, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Sweden bersempena dengan Hari Kebangsaan negara itu yang jatuh pada 6 Jun yang lalu.

Dalam sabda perutusan tersebut, Duli Yang Teramat Mulia bagi pihak Kerajaan dan rakyat Brunei Darussalam telah menyampaikan

tahniah kepada Tuan Yang Terutama, Kerajaan dan rakyat Sweden bersempena Hari Kebangsaan negara itu.

Duli Yang Teramat Mulia juga berharap agar negeri Sweden akan terus memperolehi kejayaan dan kesejahteraan bagi faedah rakyat negara tersebut.

MANISNYA IMAN

"HASILAH hari-hari raya kamu dengna bertakbir." — Hadis Nabi riwayat At-Tabarani daripada Abu Hurairah.



11 JUN, 1986

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang

HARMONI DI HARI LEBARAN

HARI Raya telah pun menjelang. Segenap lapisan masyarakat ketika ini sudah pasti merasakan kemeriahannya. Tetapi

pada saat-saat ini eloklah kita merenung sejenak kesan-kesan perayaan ini terhadap masyarakat kita. Seperti lazimnya, hari-hari sebelum bergemanya takbir Aidilfitri adalah hari-hari yang paling sibuk bagi kita kerana pada saat-saat itulah persiapan Hari Raya berjalan dengan lancar. Kawasan rumah akan dibersihkan, bahagian-bahagian rumah juga akan dikemaskan dengan rapi. Pendek kata sikap pembersih menjadi perhatian berat. Suatu perkara yang menarik ialah dalam membuat persiapan ini keseluruhan anggota keluarga akan terlibat. Si ibu sibuk dengan kuih-muihnya sementara si ayah dan si anak mengemaskan rumah.

Tiba Hari Raya pula anak-anak akan bersalaman dengan ibu bapa walau sejauh manapun jarak kediaman mereka. Hari Raya adalah hari bagi anak-anak pulang ke kampung halaman tidak kira sama ada mereka sudah punya keluarga sendiri atau tidak. Pada ketika ini juga saudara-mara dan sahabat handai tidak

akan dilupakan. Tangan dihulurkan, maaf dipinta, perselisihan diketepikan dan tali persaudaraan dipertatkan. Di ketika ini juga mereka yang terlebih dahulu meninggalkan tidak dilupakan. Tanah perkuburan dibersihkan dan doa dipanjatkan. Keistimewaan Hari Raya ini ialah ianya adalah milik semua, tidak kira apapun peringkatnya dalam masyarakat. Mungkin hanya cara menyambutnya sahaja yang berbeza menurut kemampuan masing-masing.

Tetapi modal yang paling utama ialah kejeranian hati dalam merapatkan lagi persahabatan antara sesama isi keluarga dan sesama manusia.

Ada banyak pelajaran yang dapat kita ikuti dari kesan-kesan ini. Salah satu yang utama ialah perpaduan di kalangan keluarga. Kita sering mendengar tentang keluarga yang berpecah-belah atau anak-anak yang terbiar kerana ahli-ahli keluarga kurang mengambil

perhatian. Tetapi kemahuan untuk menyambut Hari Raya dengan lebih baik telah menjadi satu tema atau motif perpaduan dan ahli-ahli keluarga bertindak sebagai keluarga dan bukan selaku individu. Sambil itu cuba kita kenangkan bilakah kali terakhir kita memohon ampun dan maaf kepada kedua ibu bapa kita dan memohonkan doa bagi mereka yang sudah tiada. Dalam bermasyarakat pula sikap kunjung-mengunjungi dapat memecahkan satu gejala baru dalam kehidupan di zaman moden ini iaitu hidup yang mementingkan diri sendiri. Tidak dapat kita nafikan adanya jiran-jiran yang kurang mengenali satu sama lain.

Pada kesimpulannya Hari Raya ini menanamkan berbagai sikap positif ke atas diri kita. Ianya secara langsung merupakan satu 'catalyst' bagi keharmonian keluarga, masyarakat dan sekali gus negara. Tetapi soalnya apakah ini berlaku hanya setahun sekali. Dan kenapakah tidak setiap hari dalam kehidupan kita, kita jadikan sebagai Hari Raya.

BAGAIKAN lagu dengan iramanya, musim perayaan dan kemeriahan memang tidak dapat dipisahkan. Jika diiringi dengan keindahan cahaya lampu gemerlapan akan wujudlah semacam cahaya kayangan yang bersinar dan bagi menambahkan seri suasana Hari Raya.

Suasana keindahan seperti ini biasanya akan diwujudkan oleh setiap hati dan jiwa umat Islam khususnya di bulan yang berkat dan mulia ini. Hiasan yang indah akan mengambil tempat untuk lebih menyerikan pemandangan di sana sini.

Rumah-rumah juga tidak ketinggalan bertukar wajah dengan lampu-lampu yang bergemerlapan, terang-menerangi antara satu sama lain seolah-olah berlawan-lawan antara sebuah rumah dengan sebuah rumah.

Bagi mereka yang tinggal di kawasan pedalaman mereka tidak ketinggalan dalam mewujudkan suasana meriah itu di samping menggunakan lampu dengan kuasa elektrik ada yang menghias rumah-rumah dengan lampu-lampu colok dari tin-tin susu dan botol-botol kicap dan cuka.

Semua keindahan di waktu malam ini akan membangkitkan keghairahan untuk menyambut Hari Raya dengan lebih meriah lagi, kalau dilihat dari bangunan tinggi, rumah-rumah itu akan kelihatan seperti sebuah mahligai yang terapung-apung di air.

Ramah Mesra Hari Raya

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Belia Kampong Lambak, (PERBEKAL) akan mengadakan majlis 'Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri' pada 13 Jun depan bermula jam 8.30 pagi bertempat di Sekolah Rendah Kerajaan Datu Mahawangsa Lambak.

Antara acara di majlis itu nanti ialah satu ceramah khas yang akan disampaikan oleh seorang penceramah khas dari Pusat Dakwah Islamiah. Jurucakap persatuan itu memberitahu bahawa majlis tersebut dianjurkan bertujuan sempena menyambut perayaan hari raya.

Pengawal Imigresen dan Pendaftaran Taraf Kebangsaan, Dato Paduka Awang Abidin bin OKPW Abdul Rashid dijangka menjadi tetamu kehormat di majlis tersebut.

Oleh: Dk. Fatimah PHMN

MERIAH

"Saya amat tertarik dengan orang Brunei berhari raya kerana mengadakan sambutan yang besar-besaran seperti mengindahkan rumah-rumah mereka dengan lampu-lampu cucul dan mengadakan rumah 'terbuka' di mana-mana," kata Bapak Andi Sjamsu, Minister Counsellor di kedutaan Indonesia di negara ini.

Kalau di Indonesia sambutan beliau, rumah terbuka hanya dikunjungi oleh sanak saudara dan sahabat handai tetapi di Brunei kalau rumah terbuka itu maksudnya sesiapa sahaja boleh berkunjung, ini menampilkan bahawa kemesraan antara masyarakat Islam dengan masyarakat yang lain memang telah lama dipupuk.

"Mudah-mudahan sifat kejeranian dan kemesraan yang terdapat di negara ini akan dapat dipertahankan dan menjadikan sebagai satu tradisi dari masa ke semasa," kata Pak Andi.

Menurut Pak Andi, apabila tiba Hari Raya puasa, di Indonesia orang ramai terutama kanak-kanak akan berarak dengan memukul gendang dan palu mengelilingi bandar dan kampung di mana ter-

dapatnya masyarakat Islam, ini merupakan satu tradisi yang masih dipertahankan di Indonesia apabila menyambut hari yang mulia ini.

Menyentuh tentang suasana di bulan puasa, Pak Andi memuji langkah Kerajaan Brunei yang menyediakan gerai-gerai jualan bagi menjual berbagai jenis juadah sepanjang bulan puasa. Ini memang perlu bagi orang ramai terutama bagi suri-suri rumah tangga yang tidak sempat menyediakan juadah berbuka puasa.

Pak Andi sangat tertarik dengan kuih-muih tempatan yang dijual di gerai-gerai tersebut. Semuanya ini dapat dinikmati memandangkan ada di antara kuih-muih tersebut tidak terdapat di Indonesia dan negara-negara lain.

Seorang lagi pegawai kedutaan Indonesia yang ditemui ialah Bapak Bachtul Nazar, menyatakan betapa meriahnya berhari raya di Brunei.

"Dari awal-awal lagi umat Islam di Brunei sudah rancak membuat persiapan untuk menyambut hari lebaran di mana terdapatnya kesibukan lalu lintas, kesibukan di gedung-gedung perniagaan dan kedai-kedai biasa dan

membeli mana yang terlintas di hati masing-masing dengan skestanya," ujar Pak Andi dengan tersenyum.

Menurut beliau, keluarganya menyediakan berbagai kuih-muih termasuk biskut dan kek asli Indonesia bagi dihidangkan kepada tetamu yang datang. Katanya untuk memeriahkan Hari Raya, kami telah pun mengadakan 'Malam Ketupat' sebagai satu tradisi bermulanya menyambut Hari Raya yang terdapat di Indonesia.

TUJUH LIKUR

"Suasana gemerlapan yang sungguh indah dan menarik ini bertambah hebat di saat menjelang malam tujuh likur (berakhirnya bulan Ramadan) terutama di kampung-kampung di negara ini."

Demikian pandangan Setiausaha kedua Suruhanjaya Tinggi Malaysia ke Brunei Darussalam, Encik Marwan bin Hassan yang bersama kita menyambut Hari Raya di negara ini sejak tahun 1982 bersama keluarganya.

Suasana menyambut Hari Raya di negara ini adalah meriah jika dibandingkan dengan di Malaysia memandangkan majoriti rakyatnya umat Islam di negara ini, jelas Encik Haji Marwan.

Encik Haji Marwan yang pernah berkhidmat di luar negeri selaku perwakilan Malaysia menyatakan sambutan-sambutan Hari Raya di negara-negara Barat seperti di Amerika Syarikat dan Paris tidaklah semeriah di negara kita kerana yang memeriahkannya hanyalah kita yang beragama Islam, pendek kata kemeriahan hanya dapat dirasakan dua hingga tiga jam sahaja.

Seorang peniaga yang berasal dari India Awang Alaudin bin Muhammad Maidin, 60 tahun juga bersetuju dengan pendapat demikian kerana di India sendiri Hari Raya hanya dapat dirasakan cuma sehari dua sahaja tetapi di Brunei walaupun selesai bulan Syawal masih terasa meriahnya.

HARI RAYA DISAMBUUT PENUH KEMERIAHAN



BAPAK Bachtul Nazar

BAPAK Andi Sjamsu



AWANG Marwan bin Hassan

AWANG Alaudin bin Muhammad

Peraduan Mari Bercerita

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peraduan Mari Bercerita peringkat negara akan diadakan di Dewan Kemasyarakatan Kuala Belait pada hari Ahad 22 Jun mulai jam 2.00 petang.

Seramai 10 orang peserta yang telah terpilih dari empat-empat daerah akan menyertai peraduan tersebut.

Peraduan yang dianjurkan oleh Bahagian Perpustakaan akan diserikan dengan persembahan tarian teater.

Ahli-ahli Perpustakaan Kanak-Kanak dan Mudi Dewan Bahasa dan Pustaka serta orang ramai adalah dipersilakan hadir.

Kejohanan sepak takraw

PERSATUAN Sepak Takraw Cawangan Belait akan menganjurkan kejohanan sepak takraw yang terbuka kepada persatuan-persatuan belia, kelab-kelab, jabatan-jabatan Kerajaan, firma-firma, kampung-kampung serta sekolah-sekolah di daerah berkenaan.

Kejohanan tersebut merupakan salah satu acara sambutan hari keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam anjuran Jawatankuasa Tinggi Peraduan Hari Keputeraan dan akan dibagikan kepada empat kumpulan.

Borang borang penyerta boleh didapati daripada Awang Mohd. Said bin M. Rais di Pejabat Kebaja Kuala Belait dan Awang Hamzah bin Metusan di Jabat Pos Seria, tidak lewat pada 21 Jun depan.



AWANGKU Mohd. Al-Haadi (kanan) dan Dayangku Siti Fitiriah (kiri) bergaya dengan pakaian tradisional orang-orang Melayu Brunei.

SAMBUTAN JUBLI PERAK ABDB

Gambar-Gambar oleh: Hj. Sharbini, Pg. Hj. Yaakub, Pg. Abu Bakar, Pg. Bahar PHO dan Harun Rashid

UPACARA PERBARISAN DIADAKAN SERENTAK DI SELURUH NEGARA



YDM Pehin Orang Kaya Seri Dewa Brigedier Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Muhammad berserta pegawai-pegawai kanan ABDB menadah tangan memohon doa selepas upacara perbarisan di Berakas Garison (atas). Sementara gambar bawah memperlihatkan sebahagian anggota ABDB mengadakan tahlil di Makam Diraja di ibu negara.



TIMBALAN Pemerintah ABDB, YDM Pehin Datu Indera Setia Kolonel Dato Paduka Sulaiman menyematkan Pingat Jubli Perak ke baju Leftenan Kolonel Ibrahim bin Haji Jumahat di upacara Perbarisan Jubli Perak ABDB di Perkhemahan Bolkiah (kanan).

YDM Pehin Datu Jurangan Laila Diraja Leftenan Kolonel Dato Paduka Kifli bin OKLS Haji Razali (bawah kanan) dan YDM Pehin Datu Harimau Padang Leftenan Kolonel Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Hussien bin Haji Ahmad (bawah) ketika masing-masing menyematkan Pingat Jubli Perak kurnia Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada pegawai ABDB.



BANDAR SERI BEGAWAN. — Perbarisan Jubli Perak Angkatan Bersenjata Diraja Brunei tahun ini disambut serentak di kelima buah perkhemahan pasukan itu pada pagi 31 Mei lepas.

Tetamu kehormat di upacara perbarisan di Berakas Garison ialah Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Oang Kaya Seri Dewa Brigedier Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad bin Haji Daud.

Manakala Timbalan Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Indera Setia Kolonel Dato Paduka Sulaiman bin Haji Damit menjadi tetamu kehormat di Perkhemahan Bolkiah.

Di Perkhemahan Tutong pula ialah Pengarah Latihan Darat ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Harimau Padang Leftenan Kolonel Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Hussien bin Haji Ahmad.

Di Pengkalan Tentera Laut ABDB, Muara, tetamu kehormatnya ialah Pegawai Turus Perbekalan dan Kelengkapan ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Datu Indera Setia Diraja Dato Paduka Awang Haji Abd. Aziz bin O.K.K. Dato Abdullah.

Sementara di Perkhemahan Kilong, Pekan Bangar pula ialah Pegawai Pemerintah Tentera Laut ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Juragan Laila Diraja Leftenan Kolonel Dato Paduka Kifli bin O.K.L.S. Haji Razali.

TITAH PERUTUSAN

Titah Perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah dibacakan oleh kelima tetamu kehormat di upacara-upacara berkenaan. Manakala perutusan dari Pemerintah ABDB di empat perkhemahan yang lain dibacakan oleh

tetamu kehormat di upacara yang sama.

MAJLIS BERTAHLIL

Sempena Penubuhan Pasukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei ke-25 tahun. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan mengurniakan Pingat Jubli Perak kepada semua anggota-anggota ABDB.

Terdahulu sebelum itu pada 30 Mei yang lalu bertempat di Dewan Geraka Badan, Berakas Garison majlis membaca Yassin dan bersembahyang berjemaah telah dilangsungkan.

Majlis itu telah dihadiri oleh Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Brigedier Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Muhammad bin Haji Daud dan Timbalannya YDM Pehin Datu Indera Setia Kolonel Dato Paduka Sulaiman serta pegawai-pegawai kanan ABDB.

Sementara itu pada petang hari Sabtu 31 Mei lepas, pasukan ABDB telah mengadakan majlis membaca tahlil bertempat di Makam Diraja di sini, Majlis tersebut telah dikepalai oleh YDM Pehin Datu Indera Setia Kolonel Dato Paduka Sulaiman, Timbalan Pemerintah ABDB.



PEMERINTAH ABDB, YDM Pehin Orang Kaya Seri Dewa Brigedier Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Muhammad bin Haji Daud menyematkan pingat kepada Leftenan Kolonel Dato Seri Laila Jasa Awang Jocklin bin Kangpaw.



YDM Pehin Orang Kaya Datu Indera Setia Diraja Kolonel Dato Paduka Awang Haji Abd. Aziz ketika menyematkan pingat kepada salah seorang pegawai di Padang Kawad, Tentera Laut Muara.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....Siri ke-332

AMALAN-AMALAN PADA HARI 'ASYURA

Memberi makan ahli keluarga dan membuat bubur 'ASYURA':

5. Kemudian Al-Hafiz Al-Iraqi berkata: "Demi sesungguhnya saya berasa hairan, bagaimana boleh berlaku kata-kata daripada seorang alim besar yang dikatakan oleh pengikut-pengikutnya bahawa dia telah meliputi akan segala sunnah Rasulullah sama ada pada ilmu dan pada kefakaran padanya."

a. Adapun kata Ibnu Tamimiyyah: "Tiada berkata sunat (mustahabb) oleh seseorang daripada imam-imam besar (ulama besar), (perkataan "Imam" itu adakalanya bermakna: Raja atau sultan, ada kalanya bermakna ulama-ulama besar yang diakui dan terkenal, ada kalanya maknanya Imam dalam sembahyang jemaah," (sila tuan-tuan pembaca mengambil ingatan, ini selalu didapati dalam perkataan-perkataan ulama Islam dan dalam kitab-kitab Fiqh Islam).

Akan memberi kelulusan belanja kepada ahli rumah pada hari Asyura itu, maka anggapan kata ini, tidak seperti itu, maka sesungguhnya yang berkata begitu ialah Sayidina Umar bin Al-Khattab, Sahabat Jabir bin Abdullah, Muhammad Al-Muntashir dan anaknya Ibrahim, Abu Az-Zabir, Shu'bah, Yahya bin Saed, Sufian bin 'Uaiyinah (Al-Imam), dan lain-lain ulama dari lapisan kebelakangan, sebagaimana saya telah

dikhabarkan (Akhbarani) oleh tuan guru Abu Al-Fadhli Muhammad bin Ismail bin Umar Al-Dimashqi dengan mulut akan riwayat di bawah ini, menurut sanadnya..... sehingga kepada Abu Abd. Rahim bin Muhammad bin Ismail bin Nabatah telah berkata yang ertinya: Memberi kelulusan belanja pada hari Asyura kepada ahli rumah, adalah suatu sunat yang bukan tidak diketahui.

(Bahkan ia sunat yang masyhur dibuat oleh umat Islam dari awal-awal Islam seperti yang disebutkan oleh Sayidina Umar dan Jabir bin Abdullah radhiallahu anhumu. Dan ulama telah meriwayatkan sunat itu dari selapis ke selapis, bagaimana kata Al-Hafiz Al-Iraqi di atas ini).

b. Adapun kata Ibnu Tamimiyyah: "Tiada diwayatkan oleh seseorang pun daripada ulama hadis yang besar-besar (Al-Imam-Imam) bahawa memberi kelulusan belanja pada hari Asyura kepada ahli rumah, maka katanya itu tidak betul, ini telah diwayatkan oleh ulama hadis (Al-Imam-Imam) dalam kitab-kitab mereka yang masyhur diketahui oleh umat Islam, maka Al-Imam Abu Al-Qasim At-Tabarani meriwayatkannya dalam Al-Mu'jamul Kabir, Al-Imam Abu Bakar Ahmad bin Al-Hussin Al-Baihaqi (Ash-Shafie) dalam Shu'abul Imam, dan Al-Imam Abu Umar bin Abdul Barri (Al-Malik) dalam Al-Istizkar dan lain-lain ulama hadis

(Bahagian Kedua)

(Al-Imam-Imam) sebagaimana kita akan melihatnya ketika kita mendatangkan hadis-hadis yang berkenaan.

c. Adapun kata Ibnu Tamimiyyah: "Ulama-ulama tiada mengatakan sunat yang datang daripada sahabat-sahabat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pada memberi kelulusan belanja pada hari Asyura itu, maka katanya tidak begitu, maka sesungguhnya telah diwayatkan sunat pada memberi kelulusan belanja kepada ahli rumah pada hari Asyura itu oleh Al-Imam Ibnu Abdul Barri dalam Al-Istizkar daripada Sayidina Umar bin Al-Khattab, dengan Isnad Jayyid (bagus), sebagaimana kita akan lihat hadis itu kemudian.

d. Adapun kata Ibnu Tamimiyyah: "Setinggi-tinggi (sekuat-kuat) riwayat yang sampai kepadanya ialah perkataan Ibnu Al-Muntashir, kalau sudah sampai kepadanya perkataan Ibnu Al-Muntashir itu, maka lebih baik ia menerimanya. Tetapi tidaklah sayugia bagi orang yang belum sampai kepadanya, sebagaimana katanya (Ibnu Tamimiyyah) pada awal cakapnya itu, tetapi perkara yang belum sampai kepadanya lebih utama dan lebih kuat dari perkara yang telah sampai kepadanya itu.

Maka dalam perkara memberi kelulusan belanja kepada ahli rumah pada hari Asyura itu, ada hadis-hadis marfu', setengah-setengahnya sahih, dan setengah-setengahnya hasan dan dalam perkara ini juga perkataan Sayidina Umar bin Al-Khattab, hadis marfu' dan hadis mauquf itu, lebih tinggi dan lebih kuat dari hadis mauquf yang disebutkan oleh Ibnu Tamimiyyah itu.

e. Adapun kata Ibnu Tamimiyyah: "Ibnu Al-Muntashir itu orang pen-

duduk bandar Kuffah, kemudian ia mencera bandar Kuffah, banyak bohong di sana, dan di sana ada orang Rafidhah (pro Sayidina Ali karamallahu wajhah) dan orang Nasibah (anti Sayidina Ali karamallahu wajhah) maka kata-katanya adalah kata-kata yang ajaib dan pelik, adakah ditolak perkataan orang Thiqah (kepercayaan) sebab dia diam di Kuffah, (seperti Ibnu Al-Muntashir), sekalipun di Kuffah ada puak Rafidhah dan puak Nasibah, tetapi di Kuffah juga ada ulama-ulama Feqah yang diterima oleh umat Islam iaitu anak-anak murid Sayidina Ali bin Abi Talib, anak-anak murid sahabat Abdullah bin Masud, seperti Al-Imam Ibrahim An-Nakha'ei (guru kepada guru-guru Al-Imam Abu Hanifah), Al-Imam Al-Aswad, Al-Imam Al-A'mash dan lain-lain ulama besar (Al-Imam-Imam), jikalau kita tinggalkan hadis yang diwayatkan oleh penduduk Kuffah, nescaya banyaklah hilang sunat yang sahih daripada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

f. Kata Ibnu Tamimiyyah: Barangkali ia (Ibnu Al-Muntashir) mendengar riwayat itu daripada Syiah pembunuh-pembunuh Sayidina Al-Hussin radhiallahu anhu, maka kata Ibnu Tamimiyyah itu suatu kata yang tiada bersandar pada ilmu dan pada zan, barangkali zannya itu salah, maka katanya itu tidaklah lebih utama dari kata kita: Barangkali ia (Ibnu Al-Muntashir) mendengar daripada orang-orang Thiqah (kepercayaan) yang diamankan mereka dari salah, yang ia mendengar daripada mereka yang ada di Kuffah seperti Al-Imam Musarruk bin Al-Ajda', Amru bin Shurabbil atau ia dengar daripada orang-orang yang mendengar daripada sahabat-sahabat seperti Sayidatina Aishah

dan Ibnu Umar dan riwayat kedua sahabat itu ada tersebut di dalam kitab As-Sahih, Ibnu Al-Muntashir itu orang Thiqah (kepercayaan), kata-katanya telah dibuat dalil oleh Al-Imam-Imam yang enam dan telah berkata Al-Imam Ahmad bin Hanbal, Ibnu Hibban dan lain-lain ulama besar bahawa Ibnu Al-Muntashir itu orang Thiqah (kepercayaan).

g. Adapun kata Ibnu Tamimiyyah: Pada menolak kata Ibnu Al-Muntashir: Kami telah mencubanya (membuat bubur Asyura) selama 60 tahun, apabila Allah Taala memberi kelulusan rezezi di atas seseorang hamba-Nya sepanjang umurnya, maka tidaklah diketahui sebabnya itu sebab dari membuat bubur Asyura itu, maka kata Ibnu Tamimiyyah itu, kalau tiada ada suatu hadis daripada Nabi As-Sadiq Al-Masduq, Nabi yang benar dan Nabi yang dibenar dan dipercayakan itu, yakni Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, nescaya perkara itu perkara zan yang boleh dihihtimalkan berlaku sebab murah rezezi itu dari memberi makanan kepada ahli rumah pada hari Asyura itu, tetapi Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah menyatakan bahawa sebab murah rezezi sepanjang tahun itu, ialah sebab membuat makanan pada hari 'Asyura, jadi zan murah rezezi yang dikatakan oleh Ibnu Al-Muntashir itu, suatu zan yang bersandarkan pada suatu riwayat dari riwayat hadis Rasulullah dan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

h. Kata Ibnu Tamimiyyah: "Telah dilihat orang Rafidhah telah diberi oleh Allah Taala rezezi lebih luas dari orang memberi makanan pada hari 'Asyura itu, maka kata-kata seperti ini tiada patut dibuat alasan pada membantah perkataan Ibnu Al-Muntashir itu, kerana tiada disebutkan dalam hadis dan tiada disebutkan pada perkataan



Muhammad Al-Muntashir itu, bahawa hanya diluaskan rezezi pada orang yang memberi makanan pada hari 'Asyura itu sahaja dan tiada kepada yang lain, hanya hadis itu dan perkataan Ibnu Al-Muntashir menyatakan bahawa orang yang memberi makanan pada hari 'Asyura itu akan diluaskan rezezi, dan boleh jadi Allah Taala meluaskan rezezi kepada orang lain kerana dengan sebab-sebab yang lain, atau kerana memperdaya akannya, atau istidraj kepadanya kerana Allah berkehendak memperdayakan dia dengan luas rezezi itu (seperti meluaskan rezezi kepada orang kafir, kepada orang zalim merampas hak-hak dan kepunyaan orang, kepada orang yang makan rasuah, kepada orang-orang yang makan harta pesaka, kepada orang-orang yang makan harta kepunyaan anak yatim, supaya kesudahan mereka masuk neraka) atau Allah Taala membalas amalnya itu di dalam dunia dengan diluaskan rezezinya sebelum hari akhirat, Wallahuaklam, tamat perkataan Al-Imam Al-Hafiz Al-Iraqi pada menjawab alasan-alasan yang diberikan oleh Al-Allamah Ibnu Tamimiyyah itu.

(Tuan lihat bagaimana keterangan Al-Imam Al-Iraqi menjawab kemusykilan yang datang daripada Al-Allamah Ibnu Tamimiyyah itu, dan bagaimana kekerasan kata-kata Al-Allamah Ibnu Tamimiyyah itu di atas lawan-lawannya dan bagaimana cara ia menentukan suatu hukum dan memberi pendapatnya di dalam sesuatu perkara seumpama perkara memberi makanan kepada ahli rumah pada hari 'Asyura itu).

WALLAHUAKLAM
(Bersambung)

Brunei Darussalam dalam kenangan

PADA tahun 1907 Pasukan Polis negara ini (sekarang Pasukan Polis Diraja Brunei) pada permulaannya hanya terdiri daripada dua orang mata-mata, seorang berbangsa Pathan dan seorang pula berbangsa Sikh.

Selapas itu bilangan polis ditambah kepada sembilan orang yang berbangsa Sikh ketika barik-barik polis didirikan di negara ini buat pertama kalinya.

Polis yang berbangsa Sikh yang ditempatkan di negara ini adalah merupakan sebahagian daripada usahasama antara Pasukan Polis Labuan dengan Pasukan Polis Brunei.

Dan tahun berikutnya tiga orang polis berbangsa Melayu telah diambil berlatih untuk diserapkan kemudiannya dalam Pasukan Polis Brunei.

Toleh pandang Pelita Brunei

PELITA BRUNEI keluaran 8 November 1967 mencatatkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan merasmikan pembukaan bangunan baru Jabatan Hal Ehwal Ugama di Kuala Belait pada hari Isnin, 6 November 1967.

Ini adalah keberangkatan Baginda yang pertama ke Kuala Belait sejak Baginda ditabalkan pada 5 Oktober lepas.

Baginda antara lain bertitah dengan memberikan penghargaan terhadap perkembangan syiar Islam yang telah maju hasil dari kecekapan serta usaha bersungguh-sungguh yang telah ditunjukkan selama ini oleh kakitangan Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Baginda juga menyatakan bahawa kerajaan Baginda tidak teragak-agak dalam memberikan sebarang kemudahan-kemudahan kepada umat Islam seluruh negara ini dalam apa jua yang difikirkan benar-benar membawa faedah kepada ugama Islam.

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara dan Tutong mulai dari hari Rabu 11 Jun, 1986 hingga ke hari Selasa 17 Jun, 1986 adalah seperti di bawah ini:—

HARI BULAN	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK		SUBUH		MATAHARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	
Jun													
11	12.22	3.46	3.47	6.31	6.32	7.47	7.48	4.51	4.37	4.52	6.07	6.08	6.08
12	12.22	3.46	3.47	6.31	6.32	7.47	7.48	4.51	4.37	4.52	6.07	6.08	6.08
13	12.22	3.46	3.47	6.32	6.33	7.48	7.49	4.52	4.38	4.53	6.07	6.08	6.08
14	12.23	3.47	3.48	6.32	6.33	7.48	7.49	4.52	4.38	4.53	6.08	6.09	6.09
15	12.23	3.47	3.48	6.32	6.33	7.48	7.49	4.52	4.38	4.53	6.08	6.09	6.09
16	12.23	3.47	3.48	6.32	6.33	7.48	7.49	4.52	4.38	4.53	6.08	6.09	6.09
17	12.23	3.47	3.48	6.33	6.34	7.49	7.50	4.52	4.38	4.53	6.08	6.09	6.09

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit manakala bagi Daerah Temburong hendaklah dikurangkan satu minit tiap-tiap waktu.

Sembahyang fardu Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

ZAKAT FITRAH PEMBERSIH DIRI

MARILAH kita sama-sama bertakwa ke hadirat Allah dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Di dalam bulan Ramadan ini selain daripada kewajipan berpuasa ke atas setiap orang-orang Islam, maka ada lagi satu kewajipan yang mesti ditunaikan oleh setiap diri orang Islam sama ada dia seorang yang merdeka atau seorang hamba, seorang dewasa atau tua ataupun kanak-kanak. Bagi orang yang di bawah tanggungan maka kewajipan itu adalah tertanggung kepada orang yang menanggung segala nafkah perbelanjaannya. Kewajipan ini adalah dikenakan kepada sesiapa jua yang mendapati sebahagian daripada bulan Ramadan dan sebahagian daripada bulan Syawal walaupun di dalam waktu yang singkat.

Kewajipan yang kita maksudkan disini ialah kewajipan mengeluarkan zakat fitrah. Wajib zakat fitrah ini adalah berdasarkan kepada perintah Nabi yang mewajibkan kita mengeluarkannya iaitu hadis Baginda daripada Nafak dan daripada Ibn Omar yang maksudnya kira-kira: "Bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah memfardukan zakat fitrah di bulan Ramadan ke atas manusia satu sah daripada tamar atau satu sah daripada bijian ke atas setiap yang merdeka atau hamba lelaki atau perempuan daripada orang Islam."

KEBERSIHAN

Tujuan mengapa zakat fitrah ini diwajibkan bukanlah seperti mana tujuan kewajipan mengeluarkan zakat harta, yang mana ianya adalah untuk membersihkan harta yang kita miliki. Akan tetapi zakat fitrah tujuannya selain daripada untuk membantu orang-orang fakir dan miskin untuk sama bergembira meraikan Hari Raya. Maka tujuan yang utamanya seperti mana yang diterangkan oleh Rasulullah sendiri ialah untuk kebersihan orang yang berpuasa dan juga puasa yang ditunaikan itu daripada sebarang perkara-perkara yang sia-sia dan tidak mendatangkan faedah sama ada kepada orang yang berpuasa itu mahupun kepada puasanya yang bakal Allah sendiri yang menentukan ganjarannya itu. Ini jelas seperti mana hadis Baginda yang diriwayatkan oleh Ibnu Abbas yang kira-kira bermaksud: "Telah memfardukan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam zakat fitrah supaya dapat membersihkan orang yang berpuasa atau puasa yang dikerjakan itu daripada perkara-perkara yang sia-sia dan perkataan yang tidak baik yang diucapkan semasa dia berpuasa dan sebagai makanan bagi orang miskin, siapa yang menunaikannya sebelum sembahyang raya maka ia adalah sebagai zakat yang diterima Allah dan siapa yang menunaikannya selepas sembahyang raya maka ianya adalah sebagai sedekah biasa."

TERGANTUNG

Selain daripada itu hadis Nabi mengingatkan yang maksudnya:

"Puasa bulan Ramadan itu tergantung pahalanya antara langit dan bumi dan tidak dapat diangkat melainkan setelah mengeluarkan zakat fitrah."

Dari kedua hadis Rasulullah di atas tadi adalah menunjukkan bahwa ibadat puasa di bulan Ramadan ini adalah merupakan ibadat yang benar-benar mengkehendaki keber-


DAN PUASA

"Telah memfardukan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam zakat fitrah supaya dapat membersihkan orang yang berpuasa atau puasa yang dikerjakan itu daripada perkara-perkara yang sia-sia dan perkataan yang tidak baik yang diucapkan semasa dia berpuasa dan sebagai makanan bagi orang miskin, siapa yang menunaikannya sebelum sembahyang raya maka ia adalah sebagai zakat yang diterima Allah dan siapa yang menunaikannya selepas sembahyang raya maka ianya adalah sebagai sedekah."

sihan diri orang yang berpuasa itu daripada perkara-perkara maksiat dan yang sia-sia di sisi Allah, kalau pun ada yang terlanjur melakukannya perkara-perkara yang boleh merosakkan puasanya itu, maka masih ada jalan lagi untuk kita membersihkan diri kita dari perbuatan merosakkan puasa itu, iaitu dengan cara kita menunaikan kewajipan zakat fitrah. Kerana fitrah itu adalah membawa pengertian suci dan bersih. Lantaran itu apabila ini ditunaikan maka akan bersih dan suci orang yang berpuasa daripada perbuatan sia-sia dan keji yang dilakukannya sepanjang dia berpuasa itu. Dan puasanya akan diangkat ke langit untuk diterima oleh Allah Subhanahu Wataala.

SIA-SIA

Janganlah kita menganggap zakat fitrah itu suatu kewajipan yang ringan sehingga kita lengahkan untuk menunaikannya, kerana apabila ianya tidak ditunaikan maka kesannya ialah terhadap puasa kita sendiri yang akan tergantung tidak diterima oleh Allah Subhanahu Wataala dan sia-



"Puasa bulan Ramadan itu tergantung pahalanya antara langit dan bumi dan tidak dapat diangkat melainkan setelah mengeluarkan zakat fitrah."

sia kita berlajar di sepanjang bulan Ramadan. Kerana kita tidak mendapat faedah daripadanya terutama untuk pembersihan diri daripada perbuatan-perbuatan maksiat dan perbuatan-perbuatan keji. Oleh itu marilah kita sama-sama menunaikan zakat fitrah untuk faedah kita bersama.

ALLAHU Akbar! Allahu Akbar! Allahu Akbar! Laa Ilaaha Illallahu Allahu Akbar Walillahilham.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadirat Allah Subhanahu Wataala, Tuhan Yang Maha Pengasih lagi Penyayang; dengan limpah kurnia-Nya kita masih lagi dapat bernafas, Allah masih berkenan meminjakan umur kepada kita dalam menyambut hari yang berbahagia Hari Raya Aidilfitri, hari mulia yang kita rayakan bersama-sama seluruh umat Islam di seluruh dunia.

Alangkah bahagianya di hari yang penuh berkat ini, bagi orang-orang yang telah berjaya menunaikan ibadat puasa selama sebulan di dalam bulan Ramadan. Memang wajar bagi mereka untuk bergembira pada hari ini, kerana mereka telah lulus dalam menghadapi ujian yang dikenakan oleh Allah Subhanahu Wataala. Selama sebulan dalam bulan Ramadan setiap diri perseorangan Muslimin dan Muslimat diuji oleh Allah. Pada waktu siang di kehendaki menahan diri dari lapar dan dahaga, melawan runtunan hawa nafsu dan melawan perasaan yang mengajak kepada

Menuju keredaan Allah

kemaksiatan, kerosakan dan permusuhan. Dan pada malam hari pula digalakkan mendirikan sembahyang Tarawih, membaca Al-Quran, berzikir, bertasbeih dan sebagainya. Kesemua yang dilakukan itu adalah dengan tujuan utamanya untuk meningkatkan iman dan takwa kepada Allah Subhanahu Wataala. Sementara itu bagi mereka yang gagal tidak dapat menjalankan suruhan-suruhan wajib dan sunat di sepanjang bulan Ramadan dengan sempurna, apatah lagi jika gagal keseluruhannya, maka bagi mereka tidak ada makna untuk bergembira pada hari yang mulia dan penuh berkat ini.

Pada hari ini seharusnya mereka menitis air mata kesedihan sebagai pernya-

Hari Raya tanda kemenangan bagi orang yang berpuasa

taan di atas kesedaran dan keinsafan diri mengenangkan betapa lemahnya iman, betapa lemahnya hati dan semangat perjuangan, sehingga dapat ditewaskan oleh runtunan hawa nafsu dan godaan syaitan, yang mengakibatkanagalnya dari menyempurnakan serta menjunjung titah perintah Allah Subhanahu Wataala untuk kesempurnaan dan kebaikan diri mereka sendiri. Di samping itu mereka hendaklah berazam dan bercita-cita dengan tekad yang kuat untuk menebus kegagalan yang telah dialami, dengan seberapa segera yang boleh sebelum ajal maut datang meragut nyawa dari jasad.

Dalam menyambut Hari Raya Aidilfitri ini, beberapa kemuliaan telah dikehendaki kepada mereka yang telah menyempurnakan ibadat puasa dengan tidak ada cacat celanya dan seterusnya menghadirkan diri menyembah Allah di

hari yang mulia iaitu menunaikan sembahyang Aidilfitri, sebagaimana yang tersebut dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Sa'ad bin Aus Al-Ansari yang diterimanya dari ayahnya bahawa beliau mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud kira-kira: "Apabila datang Hari Raya Aidilfitri berdirilah Malaikat di pintu-pintu jalan, maka berserulah mereka: Wahai manusia! Datang dan berduyun-duyunlah kamu kaum Muslimin sekali menemu Allah Yang Maha Agung lagi Pemurah, Tuhan yang menjanjikan kebaikan bagi kamu semua, kemudian memberikan pahala melimpah-limpah, Tuhan telah memerintahkan kamu supaya berpuasa, pun telah

kamu sempurnakan dan taati, maka hari ini terimalah satu hadiah dan pemberian dari Allah Tuhanmu jua."

Selepas kita menyempurnakan sembahyang Hari Raya, maka berkatalah pula para Malaikat: "Ketahuilah oleh kamu wahai kaum Muslimin sekalian bahawa Tuhan telah mengampuni dosa-dosa kamu, maka pulanglah kamu dengan penuh kegembiraan dan dengan perasaan segar." Itulah di antara balasan bagi mereka yang menunaikan sembahyang Aidilfitri iaitu dari satu keampunan dari Allah Subhanahu Wataala, dari keredaan dengan perasaan gembira yang tidak ada tolok bandingnya di pagi raya yang mulia dengan takbir dan tahmid yang memecah kesunyian pagi menjadikan suasana Aidilfitri dirasakan begitu penuh erti.

Begitulah betapa mulianya seseorang hamba Allah itu jika ianya benar-benar dengan penuh khushyuk dan tawaduk mengabdikan diri semata-mata untuk mencari keredaan Allah Subhanahu Wataala dalam menyempurnakan ibadat Puasa dan menyambut hari kemenangannya (Aidilfitri) dengan tidak bertentangan dengan syariat Allah dan Rasul-Nya. Kerana itu marilah kita kaum Muslimin menghayati perayaan hari kemenangan kita di Hari Raya Aidilfitri ini dengan penuh kesabaran dan kesyukuran tanpa dicacat-celakan dengan perkara-perkara yang ditegah oleh Allah. Semoga kita akan digolongkan ke dalam orang-orang yang bertakwa di samping membetulkan iktiqad suci dari kesesatan yang dimurkai oleh Allah, berani mempertahankan tatasusila dan keperibadian Islam yang tulen.

KHUTBAH HARI RAYA AIDILFITRI

ALLAHU Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar

Marilah kita memperkuat darjat ketakwaan kita dengan memperbanyak berbuat amalan ibadah seberapa daya yang boleh kita buat selagi kita masih bernafas. Mudah-mudahan kita itu menolong kita melepaskan diri dari tarikan azab hari kiamat yang kebanyakannya berpunca dari hawa nafsu yang menyuruh ke arah maksiat dan dosa.

Pada hari ini adalah merupakan hari di mana ditunaikan balasan orang-orang yang telah dapat bersabar dan menahan dirinya bukan sahaja dari makan dan minum bahkan dari segala perkara-perkara munkar dan maksiat. Allah memberikan dengan sebesar kemuliaan kepada hamba-hamba-Nya yang telah berjaya melawan hawa nafsunya sepanjang bulan Ramadan ini kerana kejayaan melawan dan memerangi hawa nafsu itu adalah merupakan kejayaan yang paling besar di dunia ini bagi diri seseorang hamba Allah. Bahkan ia melebihi kejayaan bagi sesuatu peperangan bersenjata yang berlaku di bumi Allah ini.

MENGGODA

Kalau di sepanjang bulan puasa tidak ada syaitan yang mahu menggoda atau menghasut diri seseorang itu untuk melakukan perkara munkar atau maksiat kerana di sepanjang bulan itu makhluk Allah yang terlaknat yang kerjanya tidak lain untuk membawa manusia ke arah melakukan maksiat dan perkara-perkara munkar yang menjadi kemurkaan Allah adalah dibelenggu dan dirantai oleh Allah supaya hamba-hamba-Nya akan dapat keamanan daripada mereka itu untuk mengabdikan diri kepada Allah di sepanjang bulan Ramadan yang penuh dengan kelebihan-kelebihan dan keberkatan itu.

Akan tetapi apakah benar semua hamba-hamba Allah telah dapat mengabdikan dirinya dengan penuh ikhlas dan kerendahan kepada Allah di sepanjang bulan Ramadan? Apakah mereka benar-benar aman dari sebarang gangguan

KHUTBAH PERTAMA

dan hasutan yang membawa seseorang itu lupa akan kewajipan terhadap Allah Subhanahu Wataala? Apakah tidak ada barang sehari dua dia telah tidak berpuasa bukan kerana uzur yang dibolehkan oleh syarak? Apakah dia dapat menghidupkan setiap malam di sepanjang bulan Ramadan dengan beribadat dan zikir kepada Allah? Ataukah hanya menghabiskan masa dengan sia-sia tanpa sebarang amal ibadah yang dilakukan.

RUGI

Alangkah ruginya kita kalau kita tidak dapat mengambil sebarang manfaat kebajikan di bulan Ramadan yang telah kita tinggalkan itu. Alangkah ruginya seseorang yang telah tidak berpuasa walau hanya sehari lantaran bukan perkara yang diharuskan syarak dia tidak berpuasa kerana itu tidak akan dapat dibayar walaupun dengan berpuasa sepanjang masa, soalnya apakah yang menyebabkan diri seseorang itu lalai untuk melakukan amal kebajikan dan apakah yang menyebabkan seseorang itu begitu mudah untuk tidak berpuasa, sedangkan di bulan Ramadan para syaitan telah dibelenggu untuk mengganggu dan menghasut manusia.

Sebenarnya di dalam diri manusia ini selain ia boleh ditempati oleh bisikan syaitan maka ada lagi suatu kuasa yang boleh membawa manusia lupa daratan, lupa akan Tuhannya, lupa akan kewajibannya, lupa segala

pantang larang Allah, lupa akan suruhan dan perintah Allah. Ada unsur atau kuasa itu tetap ada pada setiap diri manusia cuma terpuanglah kepada sesiapa yang dapat mengawalinya dan memeliharanya. Maka teramatlah dia dari tunduk kepadanya, akan tetapi siapa yang tidak dapat menguasainya bahkan ia yang dikuasai oleh kuasa dalamnya itu maka akan binaslah dirinya dan setiap yang berkaitan dengannya.

HAWA NAFSU

Kuasa dalam diri manusia itu ialah yang bernama 'An-nafsul Ammarah' iaitu nafsu atau hawa nafsu yang membawa ke arah kejahatan dan kemaksiatan yang menjauhkan manusia dari perkara-perkara yang hak serta hidayah Allah Subhanahu Wataala. Kerana itu seseorang yang tidak berpuasa bukanlah kerana ianya digoda oleh syaitan supaya jangan berpuasa akan tetapi ianya adalah didorong oleh hawa nafsunya, kononnya dia tidak tahan untuk berpuasa. Seseorang yang tidak mahu mengeluarkan zakat bukanlah dia tidak tahu zakat itu wajib ke atas dirinya, akan tetapi disebabkan hawa nafsunya terhadap harta sehingga dia menjadi seorang yang tamak haloba terhadap harta, tidak mahu hartanya berkurangan atau keluar tanpa sebarang faedah yang akan balik kepadanya dalam bentuk harta kekayaan juga.

Seorang yang dikuasai oleh hawa nafsunya untuk mencari harta kekayaan kerana harta

Orang yg menurut hawa nafsu jauh dari hidayah

sudah dianggap sebagai matlamat hidupnya maka dia akan mencari harta kekayaan tanpa mengira halal dan haramnya tanpa menghiraukan lagi segala suruhan-suruhan dan larangan Allah, siang dan malam yang menjadi fikirannya ialah bagaimana hendak menambah harta kekayaan sedangkan untuk mengingat dan beribadat kepada Allah sudah tidak ada masa lagi untuknya.

MENJADI HAMBA

Begitupun juga keamanan dunia tidak akan tergugat kalaulah bukan kerana kuasa-kuasa yang ada di dunia ini tidak mengikut dan tunduk kepada hawa nafsu amarah masing-masing untuk lebih berkuasa di atas dunia ini, sebarang rasuah dan pecah amanah tidak akan terjadi kalaulah setiap yang diberi kuasa atau amanah itu tidak menjadi hamba kepada hawa nafsunya yang tamak dan haloba, suatu pentadbiran tidak akan menjadi kucar-kacir kalau pengurusan dan pentadbirannya tidak mengikut hawa nafsu amarah di dalam mengurus dan mentadbir orang-orang bawahannya. Seorang suami atau isteri tidak akan berlaku curang terhadap pasangan masing-masing untuk mencari kepuasan di belakang pasangan suami atau isteri masing-masing. Demikianlah manusia apabila telah tidak lagi bertuhan kepada Allah akan tetapi ianya bertuhankan hawa nafsu, segalanya adalah dipertimbangkan oleh hawa nafsunya baik kata hawa nafsu maka baiklah pada pemikiran dan

itulah yang akan menjadi perjalanan hidupnya. Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar

Ingatlah bahawa Tuhan telah memberikan peringatan kepada kita supaya jangan menjadikan hawa nafsu itu sebagai pemerintah kita atau lebih tegas supaya kita jangan sampai bertuhankan kepada hawa nafsu kita sendiri sehingga kita tunduk dan patuh kepada setiap kehendak-kehendaknya. Kerana akibatnya segala pendengaran hati dan penglihatan akan tertutup dari mendapat hidayah dan petunjuk dari Allah Subhanahu Wataala di mana pada ketika itu seorang akan menjadi orang yang lupa akan Allah, tindak-tanduknya hanyalah semata-mata untuk memuaskan hawa nafsu amarah semata-mata sehingga bak kata pepatah 'membujur lalu melintang patah'. Apa yang penting kehendak hawa nafsunya tercapai dan terlaksana. Lantaran itu Allah mengingatkan supaya kita jangan sampai terjadi demikian kerana kita akan kehilangan imbalan dan panduan serta petunjuk Allah iaitu sebagaimana Firman Allah dalam Surah Al-Jasiah ayat 23 yang kira-kira tafsirnya:

"Apakah kamu melihat orang-orang yang menjadikan hawa nafsunya sebagai tuhan-nya dan Allah membiarkannya sesat kerana Allah mengetahui (tentang kejahatan hatinya) lalu Allah menutup pendengaran dan mata hatinya dan Dia (Allah) menjadikan matanya tertutup dari melihat sebarang

kebenaran dan petunjuk Allah. Maka siapakah yang akan memberikannya petunjuk sesudah Allah (membiarkannya sesat). Maka apakah kamu tidak mengambil pelajaran (dari) itu?"

SESAT

Dan Firman-Nya lagi di dalam Surah Al-Qasas ayat 50 yang bermaksud:

"Dan siapakah yang terlebih sesat selain daripada orang yang mengikut hawa nafsunya dengan tidak mendapat petunjuk daripada Allah sedikit pun."

Oleh itu ibadah puasa yang telah kita kerjakan itu di mana ianya telah dapat membentuk diri kita supaya tidak tunduk kepada hawa nafsu. Maka janganlah dengan kedatangan hari raya ini maka kesannya yang baik dari ibadah puasa itu menjadi hilang dan luput dari diri kita dengan berbalik kepada cara lama di mana hawa nafsu yang diutamakan sehingga segala persiapan hari raya pun adalah diatur dan disediakan dengan mengikut kehendak-kehendak hawa nafsu, segala pembaziran, segala perkara-perkara munkar dan maksiat disayakan, segala suruhan dan larangan Allah telah tidak lagi dihiraukan. Bukan ini cara-cara orang-orang yang beriman menyambut kedatangan hari raya akan tetapi ianya ialah dengan tasbi, takbir dan tahmid kepada Allah serta amal yang baik, di samping kita menziarahi antara satu sama lain untuk mengeratkan silaturahim sesama kita.

NAFSU PUNCA SEGALA KEJAHATAN, KECELAKAAN DAN KEBINASAAN

KHUTBAH KEDUA

Kedua: Ianya merupakan musuh yang dikasihi, kerana itu seorang itu akan menjadi buta terhadap keadilan dan kecacatan orang yang dikasihinya. Lantaran itu seseorang akan menganggap segala-galanya baik dan bagus, setiap yang datang dari nafsunya walaupun yang datang itu adalah perkara yang jahat dan keji. Lantaran nafsu amarah itu telah dapat menguasai diri seseorang itu. Sehingga seseorang itu tidak akan merasakan yang dirinya akan menerima kecelakaan dan kebinasaan lantaran menurutkan nafsu amarah itu.

PUNCA KEKEJAMAN

Kalau kita perhatikan dan renungkan bahawa punca

kepada segala fitnah, kecelakaan, kehinaan, kebinasaan mahupun punca segala dosa dan maksiat yang terjadi kepada diri seseorang makhluk itu, daripada mula terjadinya awal-awal kejadian makhluk Allah hinggalah ke hari kiamat nanti adalah datangnya daripada nafsu. Sama ada ianya terjadi oleh nafsu itu sendiri atau dengan pertolongan dan perkongsian-nya dengan kemahuan diri seseorang itu.

Sebagai contoh, di mana maksiat yang mula-mula terjadi adalah datangnya dari iblis yang pada mulanya adalah merupakan makhluk Allah yang mulia akan tetapi disebabkan ianya tunduk kepada hawa nafsu sombong

dan perasaan hasad dengki. Maka iblis telah menerima akibatnya daripada Allah Subhanahu Taala menjadi makhluk yang paling dibenci dan tidak akan diterima oleh Allah di Syurga di akhirat nanti. Begitu pun juga dosa Nabi Adam dan Hawa adalah berpunca daripada menurutkan hawa nafsu sehingga begitu mudah keduanya ditipu dan digoda oleh iblis durjana. Kerana itu kalaulah nafsu yang 'mut-matah' atau nafsu 'tullimah' atau nafsu 'murdiah' atau nafsu 'saliha'. Betapa pun godaan iblis dan tipu dayanya, maka seseorang itu tidak akan termakan dengan godaan iblis durjana. Disebabkan ianya merupakan benteng untuk menahan segala godaan syaitan dan bisikan yang membawa ke arah maksiat dan kedurjanaan.

Oleh itu wahai kaum Muslimin, untuk keselamatan diri kita dan setiap yang berada di bawah kuasa dan tanggungan kita sama ada ini merupakan yang diberikan kepada kita, amanah yang dipikulkan dan kepercayaan yang diletakkan kepada kita semuanya itu janganlah ianya ditadbirkan dan diuruskan dengan hanya berpandukan kepada hawa nafsu semata-mata. Kerana akibatnya bukan kita sahaja yang akan menerima bahkan orang lain, seterusnya bangsa dan ugama serta negara akan turut menerima sama akibat yang buruk.

Andainya kita dapat melepaskan diri dari tunduk dan menjadi hamba kepada nafsu amarah maka bererti kita juga adalah terlepas daripada segala perkara-

perkara yang tidak diinginkan dan daripada dosa dan maksiat, dan bila kita terlepas dari segala dosa dan maksiat, maka itu adalah merupakan hari raya kepada seseorang Mukmin, sebagaimana kata Sayidina Ali radhiallahu anhu.

Kerana itu hari raya ini janganlah dijadikan untuk melepaskan kepuasan hawa nafsu sehingga menceburkan diri kita ke dalam lembah maksiat dan dosa kepada Allah disebabkan melanggar segala tegahan-tegahan serta meninggalkan segala suruhan-Nya. Akan tetapi jadikanlah ianya sebagai melepaskan diri dari ikatan hawa nafsu dan segala dosa dan maksiat, mudah-mudahan dengan itu kita akan terselamat hidup di dunia dan akhirat.

TIDAK ada musuh yang paling berbahaya bagi diri seseorang selain daripada 'An-nafsul Amarat' begitu juga ianya adalah yang menyebabkan seseorang menerima bala yang sangat menyusahkan. Dan ini adalah merupakan penyakit yang paling susah untuk dirawat. Kerana ini merupakan penyakit yang paling degil untuk disembuhkan. Dan untuk mengubatnya pula adalah memerlukan ubat yang beraneka rupa dan bermacam-macam, sebab lupa ialah kerana dua perkara:

Pertama: Ianya adalah merupakan musuh dari dalam diri manusia itu, iaitu seperti musuh di dalam selimut. Susah untuk dikesan, akan tetapi ianya adalah sangat sangat merbahaya.



BELIA & SUKAN

Perlawanan b-sepak bagi Daerah Belait sempena perayaan

JAWATANKUASA Tertinggi Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi Daerah Belait akan menganjurkan lima kejohanan bola sepak yang hanya terbuka bagi pasukan-pasukan di Daerah Belait.

Kejohanan-kejohanan itu ialah bahagian 'A' perlawanan antara jabatan-jabatan Kerajaan, bahagian 'B' bagi pemain-pemain yang berumur 16 tahun ke bawah khususnya bagi kawasan-kawasan dan kampung-kampung, bahagian 'C' perlawanan tujuh orang sepasukan bagi jabatan-jabatan Kerajaan, firma, syarikat, kelab, persatuan-persatuan belia serta badan-badan sukan, bahagian 'D' perlawanan antara persatuan-persatuan Pengadil Bola Sepak Daerah-Daerah dan bahagian 'E' perlawanan-perlawanan jemputan BDAFA.

Menurut Setiausaha Jawatankuasa Perlawanan Bola Sepak Hari Keputeraan.

MESYUARAT AGUNG PPNBD

BERAKAS. — Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam telah mengadakan Mesyuarat Agung kali ke-53 yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Stadium Negara Hassanali Bolkiyah, Kampong Pulaia di sini pada pagi Ahad, 4 Mei lepas.

Mesyuarat pagi itu telah diamanikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Mohd Ali bin Haji Mohd Daud yang juga selaku Yang Dipertua Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam.

Lebih 50 orang ahli persekutuan itu telah menghadiri mesyuarat yang terdiri pengakap-pengakap dari seluruh negara.

Di antara agenda mesyuarat pagi itu ialah mengesahkan minit mesyuarat lepas, membentangkan laporan-laporan seperti peguwa kunci kira-kira, laporan tahunan persekutuan 1984 dan 1985 dan lain-lain perkara yang berbangkit.

Di samping itu juga bertujuan untuk membaratkan Ahli Majlis Kebangsaan Persekutuan itu bagi tahun 1984/1985 untuk menganjurkan Ahli Majlis Kebangsaan tahun 1985/1987.

Haji Abang Morshidi menyatakan kejohanan itu akan bermula pada 20 Jun depan dan akan dikelolakan oleh Persatuan Bola Sepak Amatir Daerah Belait.

Perlumbaan Semi Marathon

MESS Pegawai Kerajaan Daerah Belait akan menganjurkan perlumbaan Semi Marathon/Jogging 11 pada 29 Jun depan bermula jam 7.00 pagi.

Perlumbaan sejauh 11 batu itu akan bermula di Kompleks Arena Sukan, Seria dan berakhir di Padang Bandaran KBRC Kuala Belait.

Adalah difahamkan perlumbaan tersebut bertujuan untuk memberikan peluang dan galakan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan, syarikat dan firma-firma, ahli-ahli persatuan belia dan kebajikan, kelab-kelab dan badan-badan sukan di Daerah Belait.

Di samping itu ianya juga bertujuan untuk mengeratkan lagi tali silaturahmi serta paduan yang sedia ada serta untuk menambahkan tabung kewangan Mess Pegawai-Pegawai Kerajaan Daerah Belait di samping memberikan derma kepada Tabung Anak-Anak Yatim dan Tabung Orang-Orang Cacat di Daerah Belait.

Perlumbaan itu terbuka kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan, syarikat dan firma-firma, persatuan-

JUARA Bertahan Kejohanan Bola Sepak Piala Pengiran Digadong, Kota Ranger dari Daerah Brunei dan Muara mempunyai laluan mudah bagi memasuki pusingan suku akhir kerana pencabarnya March United tidak begitu 'menggusarkan'.

Dalam pusingan awal peringkat kumpulan, Kota Ranger memperlihatkan performance yang baik dengan hanya sekali kalah, dan sekali seri dan menang di tiga perlawanan lain.

Bagaimanapun, mereka akan menghadapi tekanan hebat dalam pusingan suku akhir nanti apabila berdepan dengan Pesta yang besar kemungkinan akan mengeneipkan Lamunin Ranger. Pesta mempunyai rekod permainan cemerlang dalam peringkat pusingan awal tanpa mengalami sebarang kekalahan.

Juga yang akan menjadi 'batu penghalang' bagi juara bertahan itu termasuklah Pusa Rangers, naib juara tahun lalu dan Belait United. Setakat ini Pusa Rangers belum mengalami sebarang kekalahan dan pencapaian terbesar mereka dalam pusingan awal ialah menewaskan Pembela 10-2 dan menewaskan Ikatan Belia Pandan 9-1.

Belait United juga mempunyai permainan yang konsisten tanpa mengalami sebarang kekalahan. Pencapaian terbaik mereka ialah menewaskan Persatuan Iban Belait 15-1 dan menewaskan Lumut F.C. 11-0.

Sementara itu Sabina F.C., dan Mesra F.C., juga mempunyai harapan cerah memasuki peringkat suku dan separuh akhir kejohanan ini. Kedua pasukan ini

memperlihatkan pencapaian terbaik dan perjalanan mereka menuju ke separuh akhir mungkin tidak akan dapat disekat oleh mana-mana pasukan.

Dalam pusingan peringkat

kumpulan Sabina F.C., berjaya memperolehi 34 jaringan dengan hanya menerima dua jaringan kemasukan, manakala Mesra F.C., memperolehi 6 mata iaitu 13 jaringan dan 1 jaringan kemasukan.



KETUA Kampong Saba Laut, Awang Haji Masri bin Rauf menyampaikan piala kemenangan kepada ketua pasukan Sabina A yang menjadi juara bola sepak 7 sepasukan. — Gambar ihsan Persatuan Perkasa.

Pasukan Sabina juara bola sepak 7 sepasukan

PASUKAN Sabina 'A' dan Anti 86 muncul sebagai juara bola sepak 7 sepasukan seluruh Daerah Brunei dan Muara anjuran Persatuan Kampong Saba — Perkasa, bersempena menyambut Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Sabina 'A' dari Kampong Anggerek Desa yang menjuarai bahagian umur 16 tahun menewaskan Sabina 'B' 4-2 dalam perlawanan akhir di Padang Sekolah Menengah SMJA awal bulan ini.

manakala Pasukan Anti 86 yang menjuarai bahagian umur 20 tahun dari Kampong Peramu berjaya menewaskan Pasukan Laila Mufakat dari Kampong Saba dengan jaringan tipis 1-0 juga dalam perlawanan akhir di tempat yang sama.

Hampir 40 buah pasukan menyertai kedua-dua kejohanan itu dan hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Ketua Kampong Saba Laut, Awang Haji Masri bin Rauf.

Kejohanan badminton

BERSEMPENA Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tahun ini, jawatankuasa hari keputeraan Daerah Belait akan menganjurkan kejohanan bulu

tangkis yang akan diselenggarakan oleh Persatuan Bulu Tangkis di daerah itu.

Kejohanan tersebut dibahagikan kepada enam bahagian termasuk kejohanan perseorangan terbuka kepada jabatan-jabatan kerajaan.



SEBAHAGIAN daripada pemimpin-pemimpin pengakap yang menghadiri mesyuarat agung Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Stadium Negara Hassanali Bolkiyah.

Daerah Brunei dan Muara rebut Piala Presiden

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasukan Daerah Brunei dan Muara yang telah memenangi Piala Presiden baru-baru ini akan mewakili Negara Brunei Darussalam ke Pertandingan Bola Sepak antara kelab-kelab ASEAN yang dijangka akan berlangsung pada bulan November tahun ini.

Dalam perlawanan akhir bagi merebut Piala Presiden itu pasukan Daerah Brunei dan Muara muncul sebagai juara setelah mengalahkan pasukan Daerah Belait dengan jaringan dua gol tanpa balas.

Perlawanan tersebut telah dilangsungkan di Stadium Negara Hassanali Bolkiyah, Berakas pada bulan Mei yang lalu.

Ianya dianjurkan oleh Persatuan Bola Sepak Amatir Negara Brunei Darussalam (BAFA). Perlawanan tersebut telah dimulakan sejak awal bulan April lalu.

Hadiah-hadiah kepada pemenang telah disampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Indera Negara Pengiran Anak Tahiruddin, Grand Chamberlain selaku Yang Dipertua BAFA.

rtb Intisari minggu ini

Radio Minggu Ini:

RADIO JUGA TURUT BERHARI RAYA

BARU beberapa hari berlalu, kita umat Islam telah selamat menyempurnakan ibadah sebulan berpuasa dan kini tiba pula masanya kita sama-sama berhari raya. Hari yang menandakan kemenangan bagi umat Islam di seluruh dunia ini dengan penuh kesabaran dan tawakal kepada Allah Subhanahu Wataala dalam menjalani rukun Islam yang ketiga, iaitu ibadah Puasa.

Di sepanjang kita menjalani ibadah berpuasa sebulan itu, Allah Subhanahu Wataala telah melimpahkan rahmat-Nya bagi kita umat Islam yang taqwa dalam mengerjakan apa juga suruhan-Nya dan menjauhi dengan apa juga larangan-Nya dengan apa yang kita kenalkan dengan berhari raya Aidilfitri. Inilah suasana tanda kemenangan yang sukar dicari bagi kita umat Islam keseluruhannya sebagai ganjaran ketaqwaan di hati kita yang bernama Muslimin dan Muslimat keseluruhannya.

Bagi radio, gambaran suasana seperti ini lebih jelas terbayang dengan aneka corak dan bentuk hidangan yang dipersembahkan dalam apa juga isi-isi rancangan yang dikeudarkan oleh radio di sepanjang kita menyambut Hari Raya Aidilfitri ini. Hingga di saat Radio Minggu Ini menemui awda ini pun jelas suara-suara dari petugas radio itu menampilkan kegem-

biraan yang sesungguhnya sebagai lambang perayaan kita berhari raya.

Umpamanya radio menghidangkan rancangan khas untuk Hari Raya ini dengan menyajikan rancangan yang berbentuk Drama Radio buat halua pendengar, Kuiz Ria sebagai penyertaan terus pendengarnya yang berminat dalam perancangan ini, rancangan Salam Duta Duta Negara Brunei Darussalam, rancangan Salam Muhibah RTM/RTB dan beraneka rancangan lagi yang kesemuanya radio keudarkan sempena menyambut kita umat Islam berhari raya di tahun ini.

Jika sekiranya ada dari para pendengar dan peminat radio yang kurang berkesempatan dalam mengikuti apa-apa juga rancangan yang mereka minati atau mereka sendiri menjadi peserta dalam setiap rancangan itu dan tidak berkesempatan pula mengikuti siarannya, maka radio besar kemungkinan akan menyiarkan kembali dalam bentuk siaran ulangan dan siaran ulangan itu pula bolehlah awda yang berkenaan itu mengikuti susunan-susunan rancangan yang diatitkan oleh radio dari masa ke semasa.

Dalam kesempatan kita menyambut suasana berhari raya ini bagi yang terlibat dalam pengendalian warkah Radio Minggu Ini menghulurkan tangan sepuluh jari menyusun

kemaafan sekiranya dan seandainya ada kesilapan yang wujud di sepanjang kelahiran RMI ini menemui awda. Kami menyedari tidak ada gading yang tidak retak dan tidak ada lautan yang tidak bergelombang, begitulah juga halnya pada warkah yang setitik ini pasti mengalami perkara yang serupa, kerana itu bersempena RADIO JUGA TURUT BERHARI RAYA ini tidak lupa mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin.



GAMBAR atas memperlihatkan salah seorang pelakon yang memegang watak dalam siri tersebut, Nick Mancuso.

Siri baru Tv:

'STRINGRAY'

RADIO dan Televisyen Brunei akan menayangkan satu siri baru yang diberi tajuk "STRINGRAY" yang akan disiarkan pada 17 Mei depan bermula jam 7.17 malam.

Mari Memasak:

SATAY KUPANG

BAHAN-BAHAN:
NYA :—

- 3 kati kupang hijau (direbus dan ambil isinya)
- 2 batang serai
- 5 ulas bawang merah
- 3 ulas bawang putih
- 1 sudu teh ketumbar
- 1 sudu teh kunyit serbuk
- 1 inci halia
- 2 sudu makan gula sedikit garam dan serbuk perasa secukup rasa. Semua bahan ini digiling atau ditumbuk halus. Kemudian campur dengan isi kupang tadi. Simpan satu jam barulah dicucuk dengan lidi.

BAHAN KUAH SATAY KUPANG :—

- 1 kati kacang tanah digoreng
- 6 biji lada kering
- 6 ulas bawang merah
- 4 ulas bawang putih
- 1 inci halia
- 1 batang serai
- 1 sudu makan air asam jawa
- 1 sudu makan gula
- 1 gelas air
- 3 sudu makan minyak (untuk ditumis) sedikit garam

Cara-caranya seperti membuat kuah satay biasa

Sandiwar Radio: "KELUARGA"

MINGGU ini Sandiwar Radio berjudul "KELUARGA," tulisan Magdalena, Negara Brunei Darussalam.

Seperti tajuknya, sandiwar ini bertemakan kekeluargaan, di mana seorang ibu sangat-sangat mengharap agar anak-anaknya berkumpul tinggal dalam harmoni di rumah yang besar, peninggalan arwah suaminya, ia sangat-sangat mengharap agar anak-anaknya tidak meninggalkannya tinggal keseorangan walaupun mereka sudah berumah tangga kelak.

Bagi Rahim, permintaan ibunya itu tidaklah menjadi keberatan dan ia yakin bakal isterinya Kiah juga tidak akan menolak permintaan ibunya itu. Dugaannya itu ternyata

benar dan Kiah tidak ada halangan untuk memenuhi kehendak ibu Rahim itu.

Pada permulaannya, Kiah memang tidak ada masalah menetap di rumah mertuanya. Tetapi setelah adik iparnya Rahman berkahwin dengan Aida, segala-galanya mulai berubah. Keadaan yang dulunya aman tenteram mulai bertukar menjadi kecoh bila saja Aida menampilkan perangainya yang serba tidak menyenangkan pada pandangan Kiah.

Kiah tiba-tiba menjadi gelisah dan cuba mende-sak suaminya agar mencari rumah lain dan berpindah saja dari sana. Semua ini dilakukan bukanlah untuk kepentingan dirinya sendiri, tapi demi untuk menjaga kehar-

monian keluarga suaminya.

Permintaan Kiah itu, bagaimanapun tidak mendapat perhatian sepenuhnya dari suaminya. Walaupun Kiah sudah menceritakan akan sikap Aida yang tidak menyenangkan itu, namun Rahim masih tetap ingin bertahan tinggal di rumah itu dan meminta Kiah bersabar saja.

Ibu Rahim pula telah menunjukkan perangainya yang ganjil. Ia enggan menerima hadiah hari jadi yang diberikan oleh Kiah dan Aida kepadanya. Satu pagi, keadaannya amat mengejutkan Kiah dan Rahim. Apakah yang terjadi sebenarnya? Ikutilah siarannya pada 15 Jun, 1986 jam 11.15 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Helen Thu.



YDM Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussien, Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan menerima sumbangan derma yang disampaikan oleh PW 1 Dahlan bin Osman bagi mewakili No: 2 Skuadron Tentera Udara ABDB, Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas (atas kiri) dan dari Keluarga Liau Badar yang disampaikan oleh Awang Haji Mohd. Noor (atas kanan).



Sumbangan \$1,040 untuk Tabung Anak-Anak Yatim

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tabung Derma Anak-Anak Yatim Daerah Brunei-Muara minggu lepas telah menerima sumbangan derma sebanyak \$1,040 daripada dua kumpulan di Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan.

Sumbangan pertama ialah daripada No 2 Skuadron Tentera Udara, ABDB Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas berjumlah \$690. Sumbangan tersebut disampaikan oleh

Pegawai Warrant 1 Dahlan bin Osman.

Sementara itu sumbangan kedua pula ialah daripada penulis, penerbit dan pelakon-pelakon Keluarga Liau Badar berjumlah \$350. Kesemua sumbangan sumbangan itu telah diterima oleh Pengerusi Tabung Anak-Anak Yatim Negara, Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussien.

RANCANGAN

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

TV MINGGU INI

HARI RABU

11 JUN

(JIKA HARI RAYA KETIGA)

PAGI

- 9.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
9.02 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNYANYA
9.12 SUSUNAN RANCANGAN
9.20 TITIAN NADA
9.55 THE GREAT MUPPET CAPER (Animation)
11.45 ALAM PERMAI DI HARI RAYA

TENGAH HARI

- 12.20 GOLDEN GLOBE AWARD 1986
12.22 AZAN ZUHUR
12.26 GOLDEN GLOBE AWARD — sambungan
12.55 REKASENI
1.25 TAYANGAN GAMBAR: "The Lone Ranger"
2.55 SCIENCE FICTION: 'Star Breaker'
3.25 RANCANGAN KANAK-KANAK TEMPATAN: "Dodoi Si Dodoi"
3.47 AZAN ASAR
3.51 RANCANGAN KANAK-KANAK TEMPATAN — sambungan
3.55 COMEDY: "TV Funniest Games Show"
5.25 CARTOON: "Raccoon On Ice"
6.00 BERITA AWAL
6.05 AIDILFITRI
6.32 AZAN MAGHRIB
6.38 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNYANYA
6.48 AIDILFITRI — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 HIBURAN TEMPATAN: "Fitrima"
7.48 AZAN ISYAK
7.52 HIBURAN TEMPATAN — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.40 BIMBINGAN ISLAM
8.50 MELODY POP (SBC)
9.40 HIGHLIGHTS — WORLD CUP '86
10.55 COMEDY
11.40 ROYAL VARIETY PERFORMANCE
1.40 SIARAN TAMAT.

HARI RABU

11 JUN

(JIKA HARI RAYA KEEMPAT)

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 THE ELECTRIC COMPANY
5.00 NATIONAL GEOGRAPHIC — EXPLORER
5.25 MR. T: 'Mystery of The Disappearing Oasis'
5.50 MR. BELVEDERE: 'The Will' Keluarga Owens terperanjat apabila mengetahui harijadi Belvedere menjelang tiba setelah melihat seekor gajah dihantar ke rumah mereka.
6.00 BERITA AWAL
6.05 MR. BELVEDERE — sambungan
6.20 TAHUKAH AWDA
6.32 AZAN MAGHRIB
6.38 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNYANYA
6.48 TAHUKAH AWDA

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 MACGYVER: 'Countdown' MacGyver terpaksa menggunakan kepintarannya untuk menewaskan penembar cerdik yang telah meletakkan sebiji bom di sebuah kapal dalam satu plot yang berbahaya untuk mendapat keuntungan berjuta ringgit.
7.48 AZAN ISYAK
7.52 MACGYVER — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.40 BIMBINGAN ISLAM
8.50 LIPUTAN NASIONAL
9.20 HIGHLIGHT — WORLD CUP '86
10.35 MIND YOUR LANGUAGE: 'Wedding Fever' Juan jatuh cinta kepada Maria. Jadikanlah Juan mengahwini Maria akhirnya?

- 11.00 ENTERTAINMENT THIS WEEK
11.50 DYNASTY: 'The Gown' Alexis mendapat tahu Galen masih hidup di Moldavia. Galen boleh diselamatkan jika 10 juta ringgit dibayar kepada satu kumpulan bawah tanah.
12.40 SIARAN TAMAT.

HARI KHAMIS

12 JUN

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 THE JETSONS: 'High Moon'
5.45 TURBO TEEN: 'Daredevil Run'
6.00 BERITA AWAL
6.05 TURBO TEEN — sambungan
6.15 ALAM PERMAI: 'Pengangkutan Di Udara'
6.32 AZAN MAGHRIB
6.38 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNYANYA
6.48 ALAM PERMAI

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 KNIGHT RIDER: "Knight of The Rising Sun"
7.48 AZAN ISYAK
7.52 KNIGHT RIDER — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.40 BIMBINGAN ISLAM
8.50 HIDAYAT
9.20 DUNIA MINGGU INI
9.50 HIGHLIGHT — WORLD CUP '86
11.05 NORTH AND SOUTH
11.55 HE'S THE MAYOR: 'Early Retirement' Carl terpaksa melaksanakan satu rancangan persaraan yang lebih awal untuk menyelesaikan soal kemerosotan perbelanjaan bandaran.
12.20 TAYANGAN GAMBAR: 'Going South'
1.50 SIARAN TAMAT.

HARI JUMAAT

13 JUN

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.12 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 CERAMAH UGAMA
12.25 HIDAYAT
12.45 AZAN SEMBAHYANG FARDU JUMAAT
12.50 HIDAYAT — sambungan
12.55 SMURFS

PETANG

- 1.20 SPORTS
2.05 HE-MAN AND THE MASTERS OF THE UNIVERSE
2.25 A WHOLE WORLD OF CHILDREN
2.50 KONONNYA: 'Dinggo Si Monyet Hutan' — ulangan
3.05 VALERIE: 'Sick House'
3.47 AZAN ASAR
3.51 HOLLYWOOD OR BUST
4.35 RAW ENERGY: 'Lunches'
5.00 EDISON TWINS: 'Robbers And Robots'
5.25 HEATHCLIFF
5.50 WAS ALL THE TRAINING IN VAIN.....? 'Muscular Strength'
6.00 BERITA AWAL
6.05 WAS ALL THE TRAINING IN VAIN.....? — sambungan
6.20 MARI BERSAMAKU
6.33 AZAN MAGHRIB
6.39 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNYANYA
6.49 MARI BERSAMAKU — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 FIFTY FIFTY: 'Jeopardy'
7.49 AZAN ISYAK
7.53 FIFTY FIFTY — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.40 BIMBINGAN ISLAM
8.50 LIPUTAN NASIONAL
9.20 HIGHLIGHT — WORLD CUP '86

- 10.35 DRAMA
11.20 THE INSIDERS: 'Cold Shot' Apabila Nick tercedera setelah satu pertempuran di antara kumpulan sam-seng dia bercadang untuk membongkar pertelingkahan seperti ini.
12.10 DALLAS: 'Quandary' Pam menimbulkan kemarahan J.R. setelah mengingatkan bahawa dia adalah juga rakan dalam Ewing Oil dan bercadang untuk mengambil tempatnya di pejabat lama Bobby
1.00 SIARAN TAMAT.

HARI SABTU

14 JUN

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.25 DANGER MOUSE
5.50 FAMILY TIES: 'Don't Go Changin'
6.05 FAMILY TIES — sambungan
6.00 BERITA AWAL
6.15 THUNDERCATS: 'The Time Capsule'
6.33 AZAN MAGHRIB
6.39 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNYANYA
6.49 THUNDERCATS — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 MISFITS OF SCIENCE: 'Your Place Or Mayan'
7.49 AZAN ISYAK
7.53 MISFITS OF SCIENCE — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.40 BIMBINGAN ISLAM
8.50 LIPUTAN NASIONAL
9.20 PERADUAN MENCIPTA LAGU POPULAR — Semi Final
10.10 HIGHLIGHT — WORLD CUP '86
11.25 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA: 'Remaja Idaman'
12.55 FALCON CREST: 'Unfinished Business'
1.45 SIARAN TAMAT.

HARI AHAD

15 JUN

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.12 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 MUSICAL: JAMES LAST SHOW EXPRESS
12.23 AZAN ZUHUR
12.27 MUSICAL — sambungan

PETANG

- 1.10 BINTANG REMAJA '86 FINAL — ulangan
3.10 CHALLENGE OF THE GOBOTS
3.35 SHE-RA PRINCESS OF POWER
3.48 AZAN ASAR
3.52 SHE-RA PRINCESS OF POWER — sambungan
4.00 DRAMA TEMPATAN
4.45 RIPLEY'S BELIEVE IT OR NOT
5.40 RENCANA TEMPATAN
6.00 BERITA AWAL
6.05 RENCANA TEMPATAN — sambungan
6.15 DIFFERENT STROKES: 'Arnold And Lisa's Mother' Arnold berpendapat pertunjukan sains di sekolahnya adalah satu kesempatan baginya untuk mensebotaj penuntut perempuan paling dibencinya dalam darjahnya.
6.33 AZAN MAGHRIB
6.39 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNYANYA
6.49 DIFFERENT STROKES — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 SIMON AND SIMON: 'Have You Hugged Your Private Detective Today'
7.49 AZAN ISYAK
7.53 SIMON AND SIMON — sambungan

- 8.15 WARTA BERITA
8.40 BIMBINGAN ISLAM
8.50 MARI MEMASAK: 'Satay Kupang' Resepinya ada dimuatkan di muka lain akhbar ini.
9.15 HIBURAN TEMPATAN
10.00 DRAMA: OPPENHEIMER
10.50 GEORGE BURNS COMEDY WEEK: 'The Assignment'
11.15 THE SECRET OF THE BLACK DRAGON
12.05 TWILIGHT ZONE
1.55 SIARAN TAMAT.

HARI ISNIN

16 JUN

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 THE PAW PAWS: 'The Big Spill'
4.55 BETA CHRONICLES: 'Jaws Of Death'
5.45 THE COSBY SHOW 'Full House' Setelah hampir seminggu bertugas hingga ke subuh Cliff cuba mencari ketenangan tetapi tidak memperolehnya kerana keramaian penghuni rumahnya.
6.00 BERITA AWAL
6.05 THE COSBY SHOW — sambungan
6.15 KUIZ RIA
6.33 AZAN MAGHRIB
6.39 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNYANYA
7.49 KUIZ RIA — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 REMINGTON STEELE: 'Stronger Than Steele'
7.49 AZAN ISYAK
7.53 REMINGTON STEELE — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.40 BIMBINGAN ISLAM
8.50 LIPUTAN NASIONAL
9.20 HIGHLIGHT — WORLD CUP '86
10.35 BELIA
10.55 GIVE US A CLUE
11.20 TAYANGAN GAMBAR: 'The FBI Story — The FBI Versus Alvin Karpis, Public Enemy' Kisah penangkapan Alvin Karpis, seorang penjenayah terkenal dalam tahun 30an. Pelakon-pelakon: Robert Foxworth, Eileen Heckart, Kay Lenz, David Wayne, dan lain-lain.
12.50 SIARAN TAMAT.

HARI SELASA

17 JUN

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 WIND IN THE WILLOWS: 'Bankruptcy'
4.55 WEBSTER
5.20 GALTER AND THE GOLDEN LANCE
5.45 MARI MEMASAK: 'Satay Kupang' — ulangan
6.00 BERITA AWAL
6.05 MARI MEMASAK — sambungan
6.15 EXPLORING THE WORLD OF SCIENCE: 'Energy From Air' 'Energy From Water'
6.34 AZAN MAGHRIB
6.40 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNYANYA
6.50 EXPLORING THE WORLD OF SCIENCE — sambungan
7.17 STINGRAY (Rancangan Pengenalan) Seorang pengembara misteri dengan kereta classic Corvette 1965 hitamnya dan bakatnya tersendiri dan konteksnya yang ramai sentiasa dapat menyelesaikan beberapa kisah jenayah.
7.50 AZAN ISYAK
7.54 STINGRAY — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.40 BIMBINGAN ISLAM
8.50 HIGHLIGHT — WORLD CUP '86
10.05 REKASENI
10.50 WRESTLING
11.40 PAPER DOLLS
12.30 SIARAN TAMAT.



ROYAL BRUNEI

JIKA AWDA SUKA MENGEMBARA



Berkhidmatlah sebagai Pramugara/ Pramugari dengan Diraja Brunei

KELAYAKAN

- a) Awda mestilah rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam.
- b) Berumur di antara 18 hingga 27 tahun.
- c) Kelulusan pelajaran sehingga tingkatan 5.
- d) Mempunyai perwatakan yang baik, peribadi yang baik dan sekurang-kurangnya setinggi 5' 1" (bagi perempuan) dan 5' 5" (bagi lelaki).

- e) Mempunyai kesihatan dan penglihatan yang baik.
- f) Boleh bertutur bahasa Melayu dan Inggeris berkebolehan bertutur dalam bahasa lain juga berfaedah.

FAEDAH-FAEDAHNYA

Setelah tamat latihan intensif, awda akan menerima pendapatan sehingga \$1,000 sebulan. Awda akan mendapat cuti 18 hari (hari berkerja) setahun dengan tiket percuma ke destinasi-destinasi Diraja Brunei dan tambang istimewa bila-bila masa dengan Diraja Brunei dan juga syarikat-syarikat penerbangan yang lain.

Mereka yang berminat dalam kerjaya ini bolehlah datang untuk ditemuduga oleh pegawai pengambilan pada hari dan tempat di bawah ini :

- A) Business Centre, RBA Plaza, Bandar Seri Begawan pada 16 Jun, 1986 di antara pukul 8.30 pagi—12.00 tengah hari dan 1.30 petang—4.30 petang.
- B) Kuala Belait pada 18 Jun, 1986 di antara pukul 9.00 pagi—12.00 tengah hari dan 1.30 petang—4.30 petang.

Untuk keterangan lanjut awda bolehlah berhubung dengan Penerbangan Diraja Brunei pada waktu masa bekerja melalui telefon 02-40500 sambungan 203, 207 atau 208.

PERHATIAN : Mereka yang telah datang pada pengambilan yang lalu tidak perlu menghadiri lagi.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PELUKIS

TINGKATAN II :

(Bilangan Kod : 056 16 — 131).

(Di Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan).

Tanggagaji : D. 4 EB. 5-6 — \$1225-\$1785 sebulan.

Kelayakan :

a) 2 mata pelajaran termasuk Lukisan di Peringkat Lanjutan Sijil Am Pelajaran yang sebanding dengannya.

ATAU

b) Mempunyai pengalaman sebagai Pelukis tidak kurang dari 5 tahun serta dapat menunjukkan hasil kerja senilukis yang baik dan memuaskan yang pernah dibuat.

c) Berpengalaman dalam kerja-kerja senigrafik dan ilustrasi buku dan majalah merupakan satu kelebihan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

a) Menyediakan lukisan untuk bahan penerbitan seperti kulit luar, ilustrasi,

susun atur isi dalam dan lain-lain.

b) Melukis ilustrasi yang kreatif dan tidak berkreatif untuk buku dan lain-lain.

c) Membantu kerja Ketua Bahagian dan Ketua Cawangan.

d) Membuat Lukisan Penyudah (F/A) untuk kulit luar dan lain-lain.

e) Menempel (paste-up) untuk muka surat bagi kerja-kerja yang kreatif dan membuat rekaletak (layout) buku, majalah dan lain-lain kreatif.

f) Memproses dan membuat graphic production dan memelihara peralatan.

g) Menerima serta menjalankan lain-lain tugas yang diarahkan dari masa ke-masa oleh Ketua Bahagian Senilukis/Ketua Cawangan.

2. PENARI :

(Bilangan Kod : 106 17 — 222).

(Di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan).

Tanggagaji : D. 1-2-3 EB. 4-5 — \$530-\$1625 sebulan.

Kelayakan :

a) Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

b) Boleh menguasai Bahasa Melayu dengan baik.

c) Mempunyai anggota fizikal yang sempurna.

d) Mempunyai ukuran tinggi tidak kurang dari lima (5) kaki dan berat badan tidak lebih dari 110 pound.

e) Mempunyai pengalaman yang terbukti di bidang seni tari merupakan satu kelebihan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

a) Mengikuti kelas-kelas latihan seni tari dan seni muzik yang diaturnya.

b) Memenuhi undangan persembahan/pertunjukan Kebudayaan.

c) Mengendalikan kegiatan-kegiatan dan penyelidikan secara sederhana yang berhubungan kait dengan Kebudayaan.

d) Melibatkan diri secara aktif dalam usaha perkembangan Kebudayaan.

PEMBERITAHUAN TAWARAN

BIL. 10/1986

JABATAN HAL EHWAL UGAMA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

KANTIN SEKOLAH UGAMA PENGIRAN ANAK
PUTERI RASHIDAH SAADATUL BOLKIAH, SERIA

PEMBORONG-pemborong adalah dipelawa untuk menghantar tawaran mereka kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di alamat Jabatan Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam, mengenai perkara di atas tidak lewat pada hari Isnin 16 Jun, 1986 jam 12.00 tengah hari dan hendaklah dimasukkan dalam sampul surat yang bertutup dan berak (sealed) dan ditulis dengan perkataan 'TAWARAN KANTIN SEKOLAH UGAMA PENGIRAN ANAK PUTERI RASHIDAH SAADATUL BOLKIAH, SERIA' tanpa menunjukkan identiti pemborong.

2. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Keterangan-keterangan lebih lanjut dan syarat-syarat tawaran yang berkenaan boleh diperoleh dari Nazir Sekolah-Sekolah Ugama Daerah Belait di Pejabat Hal Ehwat Ugama, Kuala Belait pada bila-bila masa waktu bekerja.

4. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat bagi menerima tawaran yang tinggi atau sebarang tawaran yang difikirkan tidak munasabah.

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN- PERKHIDMATAN ELEKTRIK

BIL. : PPL/MTB/143/1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A', 'B' dan 'C' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Kecil (Mini Tender Board) yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Rabu 18 Jun 1986 bagi kerja-kerja berikut:—

ELECTRICITY SUPPLY TO JALAN KECIL, KAMPONG SUNGAI DALET, TEMBURONG.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh dilihat dan diperoleh dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, di Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebut adalah \$100.00.

BIL. : PPL/MTB/146/1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong yang berdaftar Kelas 'A', 'B' dan 'C' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Rabu 18 Jun 1986 bagi kerja-kerja berikut:—

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PELAJARAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di luar bilik Setiausaha Tetap:

Kementerian Pelajaran dan Kesihatan
Bangunan Jabatan Pelajaran,
Tingkat Tiga,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat jam 3.00 petang pada tiap-tiap hari Rabu. (Seperti tarikh yang ditetapkan).

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul, surat yang bertutup, ditulis dengan nama perkara yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada:—

Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Kementerian Pelajaran dan Kesihatan
Tingkat Tiga,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Negara Brunei Darussalam.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh dilihat diperoleh dari Jabatan Pelajaran, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Waktu menerima cagaran tawaran adalah seperti berikut:—

Selasa-Khamis 8.00 pagi — 11.00 pagi
2.00 petang — 3.00 petang
Isnin dan Sabtu 8.00 pagi — 10.00 pagi

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dengan wang tunai pada setiap tawaran. Cagaran akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bonafide tender).

6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan diayan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

Bil.	Keterangan	Cagaran	Tarikh Tutup
JP/61/86	Membebel "Oscar and Trophy"	\$100	25 Jun
JP/62/86	Membebel "Ball Point and Fountain Pen"	\$100	25 Jun

Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PENOLONG

PENGAWAS

PEMBUAT

PLET/LAYOUT

(Bilangan Kod : 078 92 — 589)

(Di Jabatan Percetakan, Kementerian Undang-Undang)

Tanggagaji : C. 1 EB. 2 — \$1280-\$1930 sebulan.

Kelayakan :

a) i) Diploma dalam bidang percetakan atau Repro Graphic atau yang sebanding dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

ii) Mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja percetakan termasuk Pemisahan Warna.

iii) Pengalaman menyediakan Repro Camera, membuat layout serta memproses Plate dan Filem merupakan satu kelebihan.

ATAU

b) Telah dan sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam Bahagian IV dan berpengalaman dalam mengendalikan Repro Camera, membuat layout serta memproses Plate dan Filem tidak kurang dari 5 tahun.

2. PEGAWAI

PEMBEKALAN AM

(Bilangan Kod : 018 42-231)

Tanggagaji : C. 3-4 EB. 5 — \$1990-\$2970 sebulan.

Kelayakan :

a) Higher National Diploma (HND) dalam bidang Business Studies atau yang sebanding dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan.

ATAU

b) i) Sijil Diploma atau Certificate dalam bidang yang bersesuaian yang diiktiraf oleh Kerajaan.

ii) Mempunyai pengalaman dalam mengenda-

likan perbekalan dan pemasangan barang-barang tidak kurang selama 3 tahun.

c) Mendapat Kepujian dalam mata pelajaran Book Keeping di Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran merupakan satu kelebihan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

a) Bertanggungjawab dari segi perbekalan dan pemasaran barang-barang, pengkajian pilihan pengguna dan perhubungan dengan pembekal-pembekal di dalam dan luar negeri serta menunjuk ajar para pelanggan.

b) Mengendalikan Bahagian Pemasaran serta mengimport barang.

Am :

Calon-calun yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan :

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod yang berkenaan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan mereka melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 14 Julai, 1986.

Bilangan Pendaftaran : 67/1986.

E/17/86)

JABATAN PELAJARAN
KEMENTERIAN PELAJARAN DAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
KURSUS LANJUTAN

**PEMBERITAHUAN TAWARAN
JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

- PEMBERITAHUAN TAWARAN UNIT ANTI-DADAH
JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**PEMBERITAHUAN TAWARAN
JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PEMBERITAHUAN TAWARAN
JABATAN TELEKOM**

- PEMBERITAHUAN TAWARAN
JABATAN DAERAH TUTONG
BIL.: 4/1986

Bandar Seri Begawan,

4. Dokumen dan syarat-syarat tawaran boleh diperolehi dari Pejabat Pengarah Telekom Tingkat Satu, Jalan Istana, Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam dengan menjujukan resit cagaran berjumlah \$200.00 (tidak dikembalikan) dan \$1,000.00 (dikembalikan).
5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.
6. Pembayaran wang cagaran hendaklah disayar sama ada dengan wang tunai atau dengan cheque tempatan bersefahaman dengan Bank Guarante

KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK

TAWARAN NO 79/1986

TAWARAN-tawaran hendaklah ditujukan kepada Lembaga Tawaran Mini Tender, Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal) Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Brunei Darussalam tidak lewat dari 15 Jun, 1986.

MEMBEKALKAN PAKAIAN SERAGAM UNTUK JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK, BRUNEI TAHUN 1986.

Dokumen tawaran bolehlah didapati dari Pejabat Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Bahagian Pentadbiran pada bila-bila masa pejabat dibuka.

Cagaran tawaran ialah \$100.00.

BIL.: PPL/MTB/139/1986

TAWARAN-tawaran akan di-

terima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, yang beralamat Kementerian Pembangunan, Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk: SUPPLY OF 4 RING ELECTRIC COOKER.

Tarikh tutup: 25 Jun, 1986.

Cagaran: \$200.00.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

BIL.: PPL/MTB/153/1986

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, yang beralamat Kementerian Pem-

angunan, Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk: TOTALLY INSULATED ENCLOSURE FOR LIGHTING FEEDER PILLARS.

PEMBERITAHUAN TAWARAN, JABATAN KERJA RAYA, KUALA BELAIT

SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

(a) Pengerusi Lembaga Tawaran, Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

ATAU

(b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan, Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk Projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama pemborong dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).

6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan.

7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

BIL: JKR KB 38 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'A' untuk:

PROJEK: "MEMBEKALKAN DAN MEMASANG PERTALIAN PAIP AIR DAN GAS BAGI SKIM KERAJAAN DI BATU 4, JALAN MUMONG, KUALA BELAIT."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 12 Jun, 1986.

Tarikh tutup: 23 Jun, 1986.

Cagaran tawaran: \$1,000.00 + \$100.00 (lukisan).

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN STOR DAN PERBEKALAN NEGARA

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 23 Jun, 1986 bagi membekalkan perkara di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara:

TAWARAN NO. 20/1986—SUPPLY OF:

- Roofing Sheet, Corrugated, Galvanised Size: 9' x 28G.
- Sheet, Aluminium Plain Size: 12' x 4' x 22G.
- Sheet, Galvanised Iron Plain, Size: 8' x 4' 16G (1.5mm).
- Sheet, Galvanised Iron Plain Size: 8' x 4' x 20G (0.8mm).

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan

James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 16 Jun, 1986 bagi membekalkan perkara di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara:

1. TAWARAN NO. 17/86—SUPPLY OF:

- Bone China Crockery to Noritake Pattern 2108 Tiara, Articles Crested with Brunei Crest in Red.
- Stainless Steel Cutlery to Noritake Pattern K23 Serenade Articles Engraved with Brunei Crest.

2. TAWARAN NO 18/86—SUPPLY OF:

- Stone Carborandum Rectangular Combination Coarse Grit/Fine Grit Silicon Carbide No. 108.

3. TAWARAN NO. 19/86—SUPPLY OF:

- Detergent, Dishwashing Liquid, Pack in Plastic Container of 750 mls, "TEE-POL" or equivalent.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN TELEKOM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BILANGAN RANCANGAN BIL.: P 2001/2

1. TAWARAN-tawaran adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong Kelas "A", "B" atau "C" yang berdaftar dengan Jabatan Telekom.

2. Tawaran-tawaran ini ialah bagi pemasangan/pembinaan Kabel Telefon Penanjong Kem, Kampong Binturan Tutong.

3. Tawaran-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Negara Brunei Darussalam di Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 23 Jun, 1986.

4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar di dalam sampul surat biasa dan hendaklah bertutup dan bertulis P2001/2 Pemasangan/Pembinaan Kabel Telefon Penanjong Kem, Kampong Binturan Tutong. Tawaran-tawaran tidak akan diterima dari pemborong-pemborong yang tidak hadir bagi perbincangan bersama tempat pemasangan/pembinaan berkenaan.

5. Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut boleh diperolehi dari opis Pengarah Telekom, Jalan Istana Darussalam.

PEMBERITAHUAN TAWARAN PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI

1. TAWARAN-tawaran adalah diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan dalam Kotak Tawaran yang terletak di:

Tingkat 4, Jabatan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Pada jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup yang dinyatakan.

2. Dokumen-dokumen tawaran boleh didapati dari:—Ketua Jabatan "C"

sa'am, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam dengan cagaran tawaran sebanyak \$200.00 (Ringgit Dua Ratus Saja) yang akan dikembalikan kepada setiap tawaran yang tidak berjaya nanti. Cagaran tawaran akan menjadi hak milik Kerajaan bagi pemborong gagal menghantar sebarang tawarannya.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang termurah atau sebarang tawaran.

7. Perbincangan bersama dengan wakil Pengarah di tempat pemasangan/pembinaan adalah satu syarat yang dimestikan bagi tawaran dan bakal pemborong-pemborong pada jam 9.30 pagi hari Selasa 17 Jun, 1986 bertempat di Ibusawat Telekom, Penanjong Kem, Kampong Binturan Tutong. Tawaran-tawaran tidak akan diterima dari pemborong-pemborong yang tidak hadir bagi perbincangan bersama tempat pemasangan/pembinaan berkenaan.

Ibu Pejabat Polis Gadong, Negara Brunei Darussalam.

BIL. TAWARAN: 46/1986 FIBRE GLASS BOAT V19

BIL. TAWARAN: 47/1986 TEST EQUIPMENTS

BIL. TAWARAN: 48/1986 POLICE BAND BANNER

BIL. TAWARAN: 49/1986 MOTOROLA EXPO

HANDIE TALKIE AND PORTABLE REPEATER.

TENDER NO.: 50/1986 DIVING EQUIPMENT

(Tarikh tutup: 23 Jun, 1986)

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PELAJARAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa untuk membekalkan peralatan komputer kepada Institut Teknologi Brunei.

2. Dokumen tawaran dan penerangan lanjut boleh didapati dari Pejabat Pengarah Institut Teknologi Brunei, Jalan Muara, sewaktu pejabat dibuka.

3. Mereka yang minat untuk memberikan tawaran dikehendaki membayar wang cagaran sebanyak \$100.00 tunai sewaktu mengambil dokumen tawaran. Cagaran ini akan dikembalikan kepada mereka yang tidak berjaya setelah mereka menghantar tawaran yang jujur.

4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang ditutup tanpa menunjukkan identiti pembekal dan ditanda dengan "ITB/3/86—TAWARAN PERALATAN KOMPUTER INSTITUT TEKNOLOGI BRUNEI", dan dialamatkan kepada:

Pengerusi, Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan, Tingkat Tiga, Bangunan Jabatan Pelajaran, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam.

5. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di luar bilik Setiausaha Tetap, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan, Tingkat 3, Bangunan Jabatan Pelajaran, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam. Tarikh tutup tawaran ialah pukul 3.00 petang hari Rabu bersamaan 18 Jun, 1986.

6. Pembekal hendaklah menyertakan bersama salinan siji pendaftaran perniagaan.

7. Tawaran-tawaran yang tidak mempunyai penerangan yang lengkap atau yang diterima lewat dari masa dan tarikh yang ditetapkan tidak akan dilayan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat bagi menerima tawaran yang termurah atau lain-lain tawaran.

TENDER KANTIN JABATAN PELAJARAN

BIL.: JP/2/86

Permohonan akan ditutup tidak lewat 12.00 tengah hari Isnin 16 Jun, 1986.

Tawaran-tawaran yang lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran-tawaran yang paling tinggi atau sebarang tawaran.

KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

TAWARAN JABATAN KERJA RAYA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
(a) Pengerusi Lembaga Tawaran, Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan).
(b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan, Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan).
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, di Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

BIL: JKR 187 TAHUN 1986

TAWARAN-Tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk:

PROJEK No.: 86AD/GUR008

PEMBINAAN SATU BLOK 18 UNIT 4 TINGKAT RUMAH PANGSA KELAS 'E' TERMASUK PUSAT PERUBATAN BAGI UNIT SIMPANAN GURKHA DI ISTANA DARUL HANA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 19 Jun, 1986.

Tarikh tutup: 23 Jun, 1986.

Cagaran tawaran: \$1,000.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 188 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/JUB008

JAMBATAN KONKRIT TETULANG BAGI MASJID SULTAN OMAR ALI SAIFUDDIN, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 3 Julai, 1986.

Tarikh tutup: 7 Julai, 1986.

Cagaran tawaran: \$500.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 189 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/PDB003

MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA PERUMAHAN POLIS ESTATE DI PASUKAN SIMPANAN 'B' KOMPENI (R.U.B.) GADONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 12 Jun, 1986.

Tarikh tutup: 16 Jun, 1986.

Cagaran tawaran: \$500.00.

BIL: JKR 190 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AB/PEL019

KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MEMASANG PINTU BESI DI ASRAMA STPI (BLOK 3 TINGKAT), BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 14 Jun, 1986.

Tarikh tutup: 18 Jun, 1986.

Cagaran tawaran: \$100.00.

BIL: JKR 191 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AB/PTN018

PEMBINAAN STOR UNTUK JABATAN PERTANIAN KAMPONG RIMBA, GADONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 14 Jun, 1986.

Tarikh tutup: 18 Jun, 1986.

Cagaran tawaran: \$100.00.

Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 14 Jun, 1986.

Tarikh tutup: 18 Jun, 1986.

Cagaran tawaran: \$100.00.

BIL: JKR 192 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AB/PEL020

MENGGANTI PINTU SEMUA BILIK DARJAH DAN STOR DI BLOK SAIN DAN BLOK MENE-NGAH ATAS PWD, 370 DI SEKOLAH MENE-NGAH SUFRI BOLKIAH, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 14 Jun, 1986.

Tarikh tutup: 18 Jun, 1986.

Cagaran tawaran: \$100.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 193 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AR507/1401

PENGANGKUTAN TANAH BAGI JALAN PENG-HUBUNG DI KOMPLEKS PERUSAHAAN GADONG YANG DICADANGKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 14 Jun, 1986.

Tarikh tutup: 18 Jun, 1986.

Cagaran tawaran: \$200.00.

BIL: JKR 194 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal untuk:

PROJEK No.: 86AW/01600

MEMBEKAL DAN MENGHANTAR SEBUAH JAMBATAN BAILEY PADAT KE JABATAN KERJA RAYA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 14 Jun, 1986.

Tarikh tutup: 18 Jun, 1986.

Cagaran tawaran: \$200.00.

BIL: JKR 195 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AW/03200

PEMASANGAN PAIP AIR 300 MM (12") DAN 200 MM (8") A.C. SEPANJANG JALAN MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 14 Jun, 1986.

Tarikh tutup: 18 Jun, 1986.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 196 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AB/PJR001

PEMASANGAN SEMULA PAIP AIR DI PENJAJA JERUDONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 14 Jun, 1986.

Tarikh tutup: 18 Jun, 1986.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 197 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal untuk:

PROJEK No.: 86AW/03200

MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PLYAGE HRD PIPE MARKER MESH.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 14 Jun, 1986.

Tarikh tutup: 18 Jun, 1986.

Cagaran tawaran: \$100.00.

BIL: JKR 198 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal untuk:

PROJEK No.: 86AW/00700

MEMBEKAL DAN MENGHANTAR INJAP PEMISAH DAN DAYA KEKUATAN PENJIMAT AIR.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 14 Jun, 1986.

Tarikh tutup: 18 Jun, 1986.

Cagaran tawaran: \$100.00.

BIL: JKR 199 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AD519/4301

KERJA-KERJA MENIMBUS TANAH BAGI CADANGAN BENGKEL JABATAN KERJA RAYA DI KAMPONG SINARUBAI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 19 Jun, 1986.

Tarikh tutup: 23 Jun, 1986.

Cagaran tawaran: \$500.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 200 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AD/ABD024

PEMBINAAN KAWASAN KONKRIT LATIHAN PANCARAGAM BAGI PANCARAGAM ANG-KATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI DI PERKHEMAHON BOLKIAH, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 19 Jun, 1986.

Tarikh tutup: 23 Jun, 1986.

Cagaran tawaran: \$200.00.

BIL: JKR 201 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AB/PEL049

MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA BAHAGIAN LUAR BAGI DUA (2) BLOK RUMAH PANGSA KELAS 'E', DUA (2) BLOK BARIK DAN LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI KAWASAN MAKTAB TEKNIK SULTAN SAIFUL RIJAL, BATU 5, JALAN MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 19 Jun, 1986.

Tarikh tutup: 23 Jun, 1986.

Cagaran tawaran: \$200.00.

BIL: JKR 202 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AB/170

CADANGAN MEMPERBAIKI TEMPAT SALURAN PEMBUANGAN AIR KOTOR BAGI BLOK 2C, 3C, 7C DAN 1E JALAN MALABAR BAHARU, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 21 Jun, 1986.

Tarikh tutup: 25 Jun, 1986.

Cagaran tawaran: \$200.00.

BIL: JKR 203 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AB/IKN001

PEMBINAAN STOR TAMBAHAN BAHAGIAN PERIKANAN LAUT MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 21 Jun, 1986.

Tarikh tutup: 25 Jun, 1986.

Cagaran tawaran: \$200.00.

BIL: JKR 204 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AB/PTN014

PEMBINAAN STOR BUKU-BUKU TEKS BERHAWA DINGIN DI SEKOLAH MENENGAH SUFRI BOLKIAH, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 21 Jun, 1986.

Tarikh tutup: 25 Jun, 1986.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 205 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AB/PTN015

MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA BANGUNAN-BANGUNAN PEJABAT DAN STOR DI PROJEK PELADANG-PELADANG MUDA LUAHAN, JABATAN PERTANIAN LUAHAN, JERUDONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 21 Jun, 1986.

Tarikh tutup: 25 Jun, 1986.

Cagaran tawaran: \$100.00.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

- 1) PEMANDU OUTBOARD TINGKAT I:
(Bilangan Kod: 022 98-163)
(Di Jabatan Kastam dan Eksais, Kementerian Kewangan)
Tanggagaji: F. 3-4-5 EB. 6 — \$550-\$790 sebulan.
Kelayakan dan Pengalaman:
a) Berumur tidak kurang dari 21 tahun serta boleh menulis dan membaca dalam bahasa Melayu.
b) Telah berkhidmat sebagai Pemandu Outboard Tingkat II tidak kurang dari 3 tahun.
c) Mempunyai tubuh badan yang sihat dan penglihatan yang baik serta lulus peperiksaan mata. Hendaklah pandai berenang.
d) Boleh memperbaiki kerosakan yang kecil ke atas motor sangkut adalah merupakan satu kelebihan.
- 2) ATENDAN RUMAH KEBAJIKAN:
(Bilangan Kod: 098 55-133)
(Di Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Kementerian Kebajikan, Belia dan Sukan)
Tanggagaji: F. 2-3-4-5 EB. 6 — \$495-\$790 sebulan.
Kelayakan:
Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
Tugas-tugas dan Tanggungjawab:
a) Mengawasi serta membuat laporan tentang penghuni yang sakit pada pegawai yang bertugas.
b) Bersedia mengiringi penghuni ke mana sahaja yang diarahkan oleh penguasa.
c) Bertugas tidak terhad kepada penjagaan penghuni.
- 3) PEMBANTU KESELAMATAN:
(Bilangan Kod: 062 58-998)
(Di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan)
Tanggagaji: F. 1-2 EB. 3 — \$445-\$590 sebulan.
Kelayakan:
a) Berumur di antara hingga 45 tahun.
b) Berpengalaman dalam kerja-kerja menjaga dan mengawasi keselamatan kakitangan dan harta benda tidak kurang dari 3 tahun.
c) Boleh menulis dan membaca adalah merupakan satu kelebihan.
Tugas-tugas dan Tanggungjawab:
a) Menjaga keselamatan kawasan Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.
b) Menjaga keselamatan kakitangan dan harta benda di Rumah Sakit.

- 4) PEMANDU KERETA TINGKAT II:
(Bilangan Kod: 022 98-518)
(Di Jabatan Kastam dan Eksais, Kementerian Kewangan)
Tanggagaji: F. 3-4 EB. 5 — \$550-\$700 sebulan.
Kelayakan:
a) Berumur di antara 20 hingga 40 tahun dan tahu menulis dan membaca dalam Bahasa Melayu.
b) Berpengalaman dan mempunyai lesen memandu Kelas 3 yang sah serta tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu dan boleh memperbaiki kerosakan-kerosakan kecil.
c) Mempunyai lesen memandu Kelas 5 dan Kelas 11 (sebelas) dan pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.
- 5) PEMELIHARA KAWASAN:
(Bilangan Kod: 098 62-960)
(Di Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)
Tanggagaji: F. 1-2-3 EB. 4 — \$445-\$650 sebulan.
Kelayakan:
a) Berumur 20 hingga 50 tahun.
b) Berkebolehan membaca dan menulis dengan berkesan.
Am:
Calon-calon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift). Calon-calon yang berjaya hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana saja di dalam Negara Brunei Darussalam.
Peringatan:
Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod yang berkenaan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.
Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.
Permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
Tarikh tutup: 2 Julai, 1986.
(E/744/85)
Bilangan Pendaftaran: 62/1986.

TAWARAN JABATAN KERJA RAYA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BIL: JKR 206 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AB/00900
MEMPERBAIKI TEMPAT SALURAN PEMBUANGAN AIR KOTOR BAGI RUMAH PANGSA SURI SERI BEGAWAN, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 21 Jun, 1986.

Tarikh tutup: 25 Jun, 1986.

Cagaran tawaran: \$100.00.

BIL: JKR 207 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/GUR003
PEMBINAAN STOR GAS CYLINDER UNTUK PERKHEMAHAN GURKHA, SUNGAI AKAR, JALAN MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 21 Jun, 1986.

Tarikh tutup: 25 Jun, 1986.

Cagaran tawaran: \$100.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 208 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AB/00956
MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA TERATAK DI MASJID SETIA ALI, MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 21 Jun, 1986.

Tarikh tutup: 25 Jun, 1986.

Cagaran tawaran: \$100.00.

BIL: JKR 209 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AB/MMN001
MENGUBAHSUAI UNTUK MEMBINA KHUTUB KHANAH DI TINGKAT DUA BANGUNAN MAJLIS BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 21 Jun, 1986.

Tarikh tutup: 25 Jun, 1986.

Cagaran tawaran: \$100.00.

BIL: JKR 210 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AB/PEL061
MEMBEKAL DAN MEMASANG RAWA NYAMOK UNTUK BILIK ASRAMA LELAKI DAN PEREMPUAN DI SEKOLAH MENENGAH SUFRI BOLKIAH DAERAH TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 21 Jun, 1986.

Tarikh tutup: 25 Jun, 1986.

Cagaran tawaran: \$100.00.

BIL: JKR 211 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AR/13500
PEMBINAAN PEMBENTUNG KOTAK JENIS KONKRIT TETULANG DI JALAN KIARONG, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 21 Jun, 1986.

Tarikh tutup: 25 Jun, 1986.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN TELEKOM

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa bagi MEMBEKAL, PENHANTARAN DAN PEMASANGAN CELLULAR MOBILE TELEPHONE SYSTEM.

TENDER FOR THE SUPPLY, DELIVERY AND INSTALLATION OF CELLULAR MOBILE TELEPHONE SYSTEM.
Tender Ref: JTB/STEE (P)/1/1986.

2. Tawaran-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran di Tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari pukul 12.00 tengah hari, 25 Ogos, 1986. Tawaran-tawaran lewat selepas tarikh dan waktu tersebut tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan sampul surat yang bertutup dengan tanda seperti di bawah tanpa menunjukkan identiti pemborong:—
4. Dokumen dan syarat-syarat tawaran boleh diperolehi dari Pejabat Pengarah Telekom, Jalan Istana Darussalam. Bandar Seri Begawan dan menunjukkan pembayaran cagaran tawaran \$1,000.00 (tidak dikembalikan) dan \$5,000.00 (dikembalikan).
5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN KECIL

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan dan tawaran-tawaran yang berkenaan bolehlah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Kecil, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan yang terletak di luar bilik Setiausaha Tetap Kementerian Pelajaran dan Kesihatan tidak lewat dari jam 3.00 petang pada hari Rabu 25 Jun 1986.

- | Bil. Tawaran | Keterangan |
|--------------|--|
| DMS/20/86 | Membekal, menghantar dan komisen untuk 1 (satu) unit Hydraulic Stand-In Table. |
| DMS/21/86 | Membekal, menghantar memasang dan komisen untuk 1 (satu) unit Auto-Reader. |
| DMS/22/86 | Membekal, menghantar memasang dan komisen untuk 1 (satu) unit TDX System For Antibiotic Assay. |
| DMS/23/86 | Membekal, menghantar memasang dan komisen untuk 1 (satu) unit Fluorescence Microscope. |
| DMS/24/86 | Membekal, menghantar memasang dan komisen 2 (dua) unit Analytical Balance. |
| DMS/25/86 | Membekal, menghantar memasang dan komisen untuk 5 (lima) unit Laborlux Binocular Microscope. |
| DMS/26/86 | Membekal, menghantar memasang dan komisen untuk 1 (satu) unit Bilirubin Stat Analyser. |
| DMS/27/86 | Membekal, menghantar memasang dan komisen untuk 6 (enam) unit Terumo Foetal Monitor. |
| DMS/28/86 | Membekal, menghantar dan komisen untuk 11 (sebelas) unit Portable Defibrillators. |
| DMS/29/86 | Membekal dan menghantar 1 (satu) unit Vertical Pertoneal Shunt Set. |
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan diayan.
 3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup ke alamat di atas dan ditulis dengan nama tawaran yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemohon.
 4. Dokumen-dokumen tawaran dan keterangan-keterangan lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Akaun, Ibu Pejabat Perubatan dan Kesihatan, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam semasa waktu-waktu bekerja.
 5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain keterangan.
 6. Cagaran tawaran adalah sebanyak \$100.00.

NOTIS TAWARAN MENCETAK BUKU-BUKU DBP

TAWARAN adalah dipelawa bagi mencetak buku Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam.

Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan atau di kirim kepada:

1. Penentuan-penentuan (specification) mengenai buku ini boleh didapati dari Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam, pada masa-masa bekerja.
2. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat biasa yang tertutup. Di bahagian atas penjurusan sampul surat hendaklah dibubuh perkataan: TAWARAN MENCETAK BUKU-BUKU DBP BIL.: (2)/1986.
3. Semua tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di
4. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat kepada mana-mana atau kepada tawaran yang paling rendah.

Anggota Tentera diseru sentiasa bekerjasama

PERKHEMAHAN BERAKAS. — Para anggota Batalion Pertama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei digesa supaya sentiasa bekerjasama dalam menjalankan tugas kerana, dengan berbuat demikian ianya akan meringankan lagi bebanan tugas anggota tentera.

Yang Dimuliakan Pehin Datu Paduka Raja Leftenan Kolonel Dato Seri Laila Jasa Shari bin Ahmad membuat gesaan itu dalam satu perhimpunan dengan pegawai-pegawai serta ahli-ahli anggota Batalion Pertama ABDB di Dewan Pahlawan Jummat lepas sejurus sebelum upacara serah-menyerah tugas Pegawai Pemerintah Batalion Pertama bermula.

Katanya, setiap anggota hendaklah bantu-membantu dalam apa juga tugas yang diarahkan demi kepentingan dan kebaikan bersama.

"Saya mengingatkan Awang-Awang bahawa tanpa bantuan daripada Awang-

Oleh Ahat Ismail

Awang, apapun kita jalankan akan menghadapi kesukaran. Tetapi jika kita bekerjasama, semua tugas atau tanggungjawab akan dapat dijalankan dengan berkesan, lincin dan teratur," jelas Yang Dimuliakan Pehin.

Menyentuh mengenai latihan-latihan pula, Yang Dimuliakan Pehin menyeru para anggota agar berlatih dengan gigih semasa dalam latihan-latihan yang dijalankan kerana latihan berkenaan itu adalah penting bagi setiap perajurit.

Yang Dimuliakan Pehin menerangkan, "Latihan adalah mustahak bagi ABDB. Di mana-mana tentera, semuanya memerlukan latihan. Apa saja latihan yang dijalankan semuanya bertujuan bagi menguji pengalaman dan kecekapan setiap anggota."

Mengenai Pingat Jubli Perak kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia bersempena ulang tahun ke-25 tertubuhnya Pasukan ABDB, Yang Dimuliakan Pehin menyatakan kurnia itu merupakan satu penghormatan bagi pasukan ABDB yang semestinya tidak diabaikan.

Dalam usia tersebut katanya, ABDB sudah dikira matang serta berwibawa sebagai sebuah pasukan pertahanan. Oleh itu kita hendaklah sama-sama menjaga dan meningkatkan prestasi ABDB.



YANG Dimuliakan Pehin Datu Paduka Raja Leftenan Kolonel Dato Seri Laila Jasa Shari menandatangani buku penyerahan tugas di upacara serah-menyerah tugas Pegawai Pemerintah Batalion Pertama. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

MASYARAKAT BRUNEI AMALKAN SIKAP PEMADULIAN — Awg. Haji Muhammad

BERAKAS. — Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Muhammad bin Haji Seruddin menegaskan, masyarakat yang kurang bernasib baik di negara ini memang tidak akan dilupakan walaupun kita dalam suasana kesibukan mengadakan persiapan bagi menyambut Hari Raya yang hanya tinggal seminggu lagi itu.

Katanya, "Harta yang kita peroleh itu akan kita ampiti kepada mereka yang kita rasakan kurang bernasib baik dengan harapan mereka yang kurang bernasib baik itu akan dapat hidup dan menyumbangkan tenaga bakti mereka

kepada negara, bangsa dan agama."

Inilah menunjukkan bahawa masyarakat kita Brunei adalah satu masyarakat 'Pepadulian', corak dan azam kehidupan beginilah yang ingin kita pertahankan jelas beliau di satu majlis penyampaian derma kepada anak-anak yatim bagi daerah ini yang berlangsung di Stadium Negara Hassanah Bolikah di sini Khamis lepas.

Menurutnya lagi, pada tahun ini Badan Tabung Anak-Anak Yatim daerah itu telah mengorak langkah ke hadapan lagi iaitu dengan mengambil alihnya dari jawatankuasa Tabung Anak-

Oleh Haniza Abdullah

Anak Yatim kepada pentadbiran yang dikelolakan oleh Jabatan Daerah Brunei Muara.

Selaku Pengerusi Badan Tabung itu, Pegawai Daerah Brunei Muara mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada dermawan-dermawan yang telah menyumbangkan derma kepada tabung berkenaan.

Terdahulu dari itu Pengerusi Tabung Anak-Anak Yatim Negara Brunei Darussalam, Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Luar Pekerna Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussin, Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan pula menjelaskan

bahawa penyampaian derma seperti ini adalah merupakan projek tahunan jabatan ini. Tetapi katanya pada tahun ini telah diselenggarakan bersama dengan penyampaian derma kepada anak-anak yatim Daerah Brunei Muara yang dianjurkan oleh badan tabung Daerah itu, yang di bawah pentadbiran Pejabat Daerah Brunei Muara.

Lebih 1,000 orang anak-anak yatim Daerah Brunei Muara telah menerima derma yang berupa wang tunai sebanyak \$30.00 dari tabung itu yang telah disampaikan oleh Datu Hajjah Maimunah, Datu Hajjah Nurliah binti Haji Mohd. Yusof dan Datu Hajjah Norsiah binte Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Mohd. Yusof.

Serah menyerah tugas

PERKHEMAHAN BERAKAS. — Batalion Pertama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei kini mempunyai Pegawai Pemerintah baru iaitu Yang Dimuliakan Pehin Datu Perkasa Leftenan Kolonel Dato Seri Laila Jasa Ishak bin Haji Abdul Hamid menggantikan Yang Dimuliakan Pehin Datu Paduka Raja Leftenan Kolonel Dato Seri Laila Jasa Shari bin Ahmad.

Yang Dimuliakan Pehin Datu Perkasa Leftenan Kolonel Dato Seri Laila Jasa Ishak sebelum ini menjadi Pegawai Pemerintah Perkhemaan Bolikah. Yang Dimuliakan Pehin mula berkhidmat dalam pasukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei pada tahun 1965 dan telah banyak mengikuti pelbagai kursus dalam dan luar negeri. Selain daripada

itu Yang Dimuliakan Pehin juga banyak memegang beberapa jawatan dalam pasukan ABDB.

Sementara itu Yang Dimuliakan Pehin Datu Paduka Raja Leftenan Kolonel Dato Seri Laila Jasa Shari bin Ahmad akan berlepas ke Amerika Syarikat mengikuti kursus latihan perang bagi pegawai-pegawai kanan angkatan bersenjata.

Jurucakap ABDB menjelaskan bahawa Yang Dimuliakan Pehin mengikuti kursus berkenaan kira-kira selama setahun.

Yang Dimuliakan Pehin Datu Paduka Raja Leftenan Kolonel Dato Seri Laila Jasa Shari mula memasuki Angkatan Bersenjata Diraja Brunei pada 26 Oktober sebagai pegawai kadet dan kemudiannya mengikuti pelbagai kursus di luar negeri.

Peperiksaan RSA dan RSM

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lembaga Peperiksaan, Jabatan Pelajaran, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan memaklumkan bahawa persediaan-persediaan sedang dibuat bagi mengadakan peperiksaan The Royal Society of Arts (RSA) dan The Royal School of Music London (RSM) dalam bulan November tahun ini.

Borang-borang permohonan untuk mengikuti peperiksaan RSA bolehlah didapati dari Lembaga Peperiksaan mulai dari sekarang hingga 1 Julai, 1986. Sementara permohonan bagi peperiksaan RSM dibuka pada 1 Julai, 1986 dan berakhir pada 31 Julai, 1986. Borang-borang permohonan yang dihantar lewat dari tarikh-tarikh yang disebutkan itu tidak akan dilayan.

Borang-borang permohonan dan keterangan lanjut bolehlah diperolehi dari Lembaga Peperiksaan, Kompleks Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.



SALAH seorang daripada anak yatim Daerah Brunei Muara ketika menerima derma berupa wang tunai sebanyak \$30.00 yang telah disampaikan oleh Datu Hajjah Maimunah binti Ambak di satu majlis penyampaian derma kepada Anak-Anak Yatim Daerah Brunei Muara pada Khamis lepas. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar.

Pengosongan dermaga mulai 23 Jun

JABATAN Pelabuhan-Pelabuhan, Kementerian Perhubungan Negara Brunei Darussalam, dengan ini memaklumkan bahawa Dermaga Bandar Seri Begawan akan digunakan semula dengan sepenuhnya untuk pemunggaran, pengendalian dan pengangkutan kargo. Oleh yang demikian, dermaga itu akan ditutup bagi semua kenderaan pada setiap waktu kecuali bagi pegawai-pegawai yang bertugas atau yang telah mendapat kebenaran daripada Pegawai Pelabuhan-Pelabuhan sahaja. Orang ramai adalah dengan ini diminta untuk mengosongkan kawasan tersebut.

Di samping tujuan di atas, pengosongan dermaga ini juga mempunyai kepentingan-

kepentingan tersendiri kerana kawasan ini merupakan kawasan lapang yang terletak berhadapan dengan Kampong Ayer dan tersedia untuk kegunaan pihak-pihak tertentu andainya terjadi sebarang kecemasan di Kampong Ayer.

Bagi tidak memberatkan orang ramai semasa bulan Ramadan dan semasa perayaan Hari Raya pengosongan kawasan ini akan dimulakan pada 23 Jun 1986.

Oleh yang demikian, demi untuk kepentingan bersama, orang ramai hendaklah memberikan kerjasama dengan mematuhi arahan ini.

15 ORANG DIDENDA KERANA TIDAK PUASA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seramai 15 orang telah didenda kerana melakukan kesalahan-kesalahan puasa. Seramai 10 dari mereka didapati menghisap rokok, dua orang minum dan seorang makan kuih di khalayak ramai di siang hari dalam bulan puasa yang lalu.

Mereka yang didapati merokok di khalayak ramai di siang hari ialah Sold. 7395 Abdul Rahman bin Haji Kamis, No: 20 Kampong Bukit Salat, Rashid bin Saidin, No: 192 Kampong Saba Darat 'B', Pg. Salleh Abd. Rahman bin Pg. Haji Damit, C 4 Block 14, Kampong Anggerak Desa, Berakas, Saeran bin Abdul Ghani, No: 10 A Kampong Pengkalen Sibabau, Sarbini bin Amit, No: 693 Kampong Sungai Besar, Jalan Kota Batu dan Md. Ruhul Amin SK. Elin, No: 64 Kampong Sungai Belukut, Jalan Kota Batu masing-masing didenda sebanyak \$200.00.

Md. Omar Faroque Maulana Fazilul, Masjid Baru Kampong Sungai Kebun dan Jali bin Mamun, No: 2201 Jalan Nakhoda Manis, Seria masing-masing didenda sebanyak \$100.00 tiap seorang. Manakala Metasan bin Sokiauw dari Kampong Pekan Lama didenda \$150.00.

Sementara Md. Ansan bin Abdullah, No: 106 Kampong Sungai Teraban didenda sebanyak \$50.00, Abdul Rahman Nattahai Bawajee, Batu 8, Jalan Tutong dan Abd. Moghni bin Haji Abd. Rahman, No: 175, Kg. Sungai Darat 'A' kedua-duanya didenda \$200.00.

Dua orang lainnya didenda kerana minum di khalayak ramai. Mereka ialah Nustifa binti Aziz Sutan Saidi, No: 46, Jalan Sultan, Bandar Seri Begawan didenda \$200.00 dan Yusman bin Shahar, dan Lundu Sarawak didenda \$250.00.

Mahkamah juga mendenda sebanyak \$200.00 kepada Awang Kassim bin Damit, No: 48 Kampong Tanah Jambo kerana didapati makan kuih di khalayak ramai.